Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

e-Buletin

Diterbitkan sejak 1932

MAJUTAN

EDISI JAN-JUN 2024 | UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN | www.forestry.gov.my



SESI MENYUSURI "PARIT JAWA *WALK OF LIFE*" BERSAMA AHLI MESYUARAT JTPP



PELANCARAN NAMA SPESIES PERIUK KERA BAHARU *"Nepenthes ridzaiana"*



MAJLIS MAKAN MALAM APRESIASI RIMBAWAN: JASAMU DIKENANG SEMPENA PERSARAAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE-25

SIDANG REDAKSI MAJUTAN 2024

PENASIHAT

YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia

(Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

YBrs. Mohd Radhi Chu bin Abdullah

Pengarah Kanan

Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

Jawatankuasa Majutan 2024

- Puan Nor Halizah binti Abd Halim
- Puan Kholizan binti Jamaludin
- Puan Siti Aisah binti Dahlan
- Encik Mohd Shafiq bin Abdul Latif @ Ismail
- Encik Leonardo Kelly bin Maluni

Wakil Jawatankuasa Negeri

- Puan Norfazilawati binti Jauhari (JPN Johor)
- Puan Razlina Ermi binti Rejab (JPN Kelantan)
- Encik Mohd Shahril Nizam bin Mat Ali (JPN Melaka)
- Puan Sanja a/p Boon Kong (JPN Pulau Pinang)
- Puan Siti Syafiqah binti Yusuf (JPN Selangor)
- Puan Rafizah binti Minhat (JPN Negeri Sembilan)
- Puan Fatin Afiqah binti Roslan (JPN Kedah)
- Puan Fadhilah binti Mohamad (JPN Perlis)
- Encik Firdaus bin Mohd Rajis (JP Wilayah Persekutuan)
- Puan Siti Khatijah binti Othman (JPN Terengganu)
- Encik Muhammad Asyraf bin Zainul (JPN Perak)
- Puan Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin (JPN Pahang)



Kata Alu-aluan Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi, dengan keizinan-Nya, e-buletin MAJUTAN Edisi Januari-Jun 2024 dapat disiapkan dan diterbitkan. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Sidang Redaksi yang telah diberi tanggungjawab serta menunjukkan komitmen sepanjang proses menyiapkan e-buletin ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga JPSM yang turut membantu dalam menyumbangkan pengisian aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penerbitan e-buletin ini adalah penting sebagai salah satu platform bagi perkongsian aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JPSM, JPN, dan Persatuan di JPSM. Pada tahun ini, terdapat banyak aktiviti utama yang melibatkan JPSM antaranya adalah Sesi menyusuri "Parit Jawa *Walk of Life*" bersama ahli Mesyuarat JTPP, Pelancaran Nama Spesies Periuk Kera Baharu *"Nepenthes ridzaiana"*, Majlis Makan Malam Apresiasi Rimbawan: Jasamu Dikenang Sempena Persaraan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Ke-25 serta aktiviti-aktiviti lain.

Akhir kata sekali lagi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak kerana telah berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya selaras dengan visi serta misi jabatan untuk menjadi sebuah agensi yang terunggul sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Wakil Jawatankuasa Bahagian/Unit/Persatuan/Kelab

- Puan Nor Izzati binti Othman (BPE)
- Puan Nor Hidayu binti Abdul Razak (BUH)
- Puan Sharifah Amira binti Salim (BLP)
- Puan Suhana binti Bebakar (BLH)
- Puan Nabilah Hamidah binti Sabar (BSB)
- Puan Che Engku Nor Amiza binti Engku Chik (BEP)
- Puan Jennifer anak Francis (BHA)
- Encik Mohd Suruzee bin Yaakub (BKH)
- Encik Mohamad Shahril bin Zulkifli (BPM)
- Puan Weldah binti Mulie (BKP)
- Puan Siti Marwiyah binti Abu Bakar (BPK)
- Encik Ts. Mohammad Ilman bin Mahamad Amir (BTK)
- Encik Mohd Zarin bin Ramlan (BPP)
- Puan Alisah binti Simin (UKKPA)
- Puan Maziah binti Kamaruzaman (UIP)
- Puan Nurul Huda binti Jamaluddin (PUSPANITA)
- Encik Mohd Faris bin Sobri (PKSIP)

BULETIN

MAJUTAN 2024

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN

SEMENANJUNG MALAYSIA

JPN JOHOR

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	1 JANUARI 2024	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA, KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK "KELESTARIAN ALAM: TANGGUNGJAWAB BERSAMA" SEMPENA MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2024	01
2	13 JANUARI 2024	PROGRAM EKOPELANCONGAN: *SHAPING THE LIVABLE NATURE* 6.0 DI HUTAN TAMAN NEGERI AYER HITAM UTARA, MUAR, JOHOR	02
3	5 - 6 MAC 2024	LAWATAN LAPANGAN OLEH PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS) BAGI TUJUAN EKSPLORASI KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN PROJEK KARBON HUTAN DI NEGERI JOHOR	03
4	9 MAC 2024	PROGRAM *TRANS MOUNT LAMBAK TRAIL* 2024 (TMLT 2024)	04
5	20 MAC 2024	MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL MENGENAI PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES PERSISIRAN PANTAI (JTPP) BIL. 1/2024 DAN LAWATAN KERJA LAMAN BAKAU PARIT KASSIM, MUAR	05
6	21 MAC 2024	MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2024	06
7	27 - 28 APRIL 2024	PROGRAM *PANTI BIRD RACE* JOHOR (PBRJ) 2024	07
8	31 MEI 2024	PROGRAM 4X4 *ADVENTURE* @ SALUR GAJAH	08
9	22 JUN 2024	PROGRAM *TRANS* QJM GUNUNG PULAI ULTRA 2024	09
10	24 - 27 JUN 2024	LAWATAN ILMIAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR KE KUCHING, SARAWAK	10

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA, KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK "KELESTARIAN ALAM: TANGGUNGJAWAB BERSAMA" SEMPENA MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2024

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab. Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

BATU PAHAT, 1 JANUARI 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah menganjurkan Program Penghijauan Malaysia, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bertemakan Program ``Kelestarian Alam: Tanggungjawab Bersama" sempena menyambut Tahun Baru 2024 di Pantai Teluk Wawasan, Mukim Bagan, Batu Pahat, Johor.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Semerah. Turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, YBrs. Tuan Haji Zainor bin Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat dan YBrs. Tuan Ezahar bin Abu Sairin, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Program dijayakan dengan penglibatan seramai 150 peserta terdiri daripada Pejabat Daerah Batu Pahat, Majlis Daerah Batu Pahat, Sukarelawan *Southern Volunteers*, Penghulu Mukim, Ketua Kampung Parit Haji Salam, penduduk setempat dan kakitangan jabatan.

Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya mengekalkan kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem pantai terutamanya di sepanjang persisiran pantai negeri Johor. Program pada tahun ini mensasarkan penanaman sebanyak 600 anak pokok daripada spesies Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) diharap dapat membantu memulihkan semula dirian bakau dan dataran Pantai berlumpur di Teluk Wawasan.

JPNJ mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan komitmen semua agensi, penduduk kampung dan yang bersama-sama menyokong dan menjayakan program ini dalam menyokong usaha kerajaan untuk memelihara kawasan hutan dan sumber biologinya untuk manfaat dan kesinambungan sumber daya kepada generasi akan datang.



Sesi bergambar bersama peserta



YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor bergambar bersama peserta program penanaman pokok bakau



YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor bergambar bersama YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, YBrs. Tuan Haji Zainor bin Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat dan YBrs. Tuan Ezahar bin Abu Sairin, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Batu Pahat



Para peserta sedang mendengar taklimat sebelum memulakan aktiviti penanaman

PROGRAM EKOPELANCONGAN: *SHAPING THE LIVABLE NATURE* 6.0 DI HUTAN TAMAN NEGERI AYER HITAM UTARA, MUAR JOHOR

Disediakan oleh: Siti Nuratikah binti Mustafa
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MUAR, 13 JANUARI 2024

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah mengadakan Program "EkoPelancongan: *Shaping the Livable Nature* 6.0 di Hutan Taman Negeri (HTN) Ayer Hitam Utara, Muar, Johor" . Program ini telah disertai oleh 30 orang peserta terdiri dari Komuniti Mukim Ayer Hitam, Kelab Alam Sekitar Seri Sempadan, Pelajar Sekolah termasuk beberapa kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Johor Utara. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada komuniti di sekitar HTN Ayer Hitam Utara dan pelajar sekolah tentang kepentingan pemuliharaan kepelbagaian biologi dan aktiviti ekopelancongan sebagai satu sumber ekonomi terutamanya kepada komuniti tempatan yang terlibat secara langsung dengan produk ekopelancongan tersebut.

Dalam program tersebut telah diadakan sebanyak empat modul ilmu iaitu modul 1 berkaitan Entomopelancongan pepatung dan tebuan (Dr. Aqilah binti Awg Abdul Rahman, Encik Mohamad Zulhusni bin Zakaria, Encik Muhammad Nur Fitri bin Abu Bakar), Modul 2 iaitu Praktikal Entomopelancongan pepatung dan tebuan (Dr. Aqilah binti Awg Abdul Rahman, Encik Mohammad Zulhusni bin Zakaria, Encik Muhammad Nur Fitri bin Abu Bakar), Modul 3 ialah Fitopelancongan dan praktikal *seed bomb* (Dr. Salasiah binti Mohamad, Encik Adli Ikram Sharuddin) dan modul 3 ialah Periuk Kera dan teknik pembiakan (Encik Amin Asyraf bin Tamizi- MARDI). Di akhir sesi, peserta program telah didedahkan kepada aktiviti secara *hands-on* kaedah *seed bom* dan pembiakan periuk kera. Pengalaman ini sudah tentu akan dimanfaatkan oleh peserta dalam keadaan realiti dalam komuniti mereka.

Sebagai rekod, program seperti ini merupakan antara program *Transfer knowledge* yang sering diadakan di (HTN) Ayer Hitam Utara, sesuai dengan hasrat JPNJ untuk terus mengangkat fungsi Hutan Taman Negeri ini sebagai *Living Lab* yang dapat menyuburkan perkembangan ilmu. Upacara penutup bagi program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. JPNJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UTHM dan peserta yang terlibat di dalam penganjuran dan kejayaan program ini.



Pertukaran ilmu (*transfer knowledge*) berkenaan periuk kera yang terdapat di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Muar



Pelajar diterangkan kaedah *seed boom* dan pembiakan periuk kera secara *hands-on*



Penerangan mengenai Celik Ekopelancongan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor

LAWATAN LAPANGAN OLEH PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS) BAGI TUJUAN EKSPLORASI KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN PROJEK KARBON HUTAN DI NEGERI JOHOR

Disediakan oleh: Nurul Izati binti Wagimin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MERSING, 5 DAN 6 MAC 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menerima kunjungan daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang berminat untuk mencari peluang kerjasama dalam pasaran karbon hutan di negeri Johor. Sesi lawatan ini telah diadakan selama dua hari yang bermula pada 5 dan 6 Mac 2024.

Lawatan ini telah disertai pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Turut serta dalam lawatan ini adalah pegawai dan kakitangan daripada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor yang diketuai oleh Puan Adilah Balkiah Balqish binti Musa, Penolong Pegawai Alam Sekitar.

Lawatan pada hari pertama (5 Mac 2024) telah dimulakan dengan taklimat ringkas berkenaan Taman Eko Rimba Teluk Arong, Mersing dan Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing yang telah disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Timur, Encik Mohd Saman bin Mohd Sanget dan sesi lawatan lapangan ke kawasan tersebut. Kemudian, lawatan diteruskan lagi pada hari kedua (6 Mac 2024) dengan lawatan ke Hutan Simpan Kluang Tambahan, Kluang dan Hutan Simpan Sungai Santi, Johor. Taklimat ringkas berkenaan kawasan tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan, Encik Ahmad Meisery bin Abdul Hakim Amir semasa berada di kawasan berkenaan.

Penghargaan terima kasih kepada Pengurus Program Hutan dan Pantai dari *Global Environmental Centre* (GEC) iaitu Encik Nagarajan a/l Rengasami dan Encik Prem Kumar a/l Selvarajan kerana telah mengiringi dan memberikan taklimat ringkas kepada kami berkenaan hutan paya gambut dan hutan paya bakau sepanjang lawatan ini.

Jabatan juga menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada *Malaysian Forest Fund* diketuai oleh Ir. Ts. Hartini Azmi, Timbalan Pengarah Protokol dan Pengurusan Program yang memainkan peranan utama dalam mencari potensi pasaran bagi sektor perhutanan melalui pasaran karbon kredit di negeri Johor dan wakil dari syarikat Nature Based Solution PETRONAS yang diketuai oleh Encik Md Azahar Omar, Pengurusan Kanan kerana sudi membuat kunjungan ke negeri Johor.



Sesi taklimat oleh Encik Nagarajan a/l Rengasami, Pengurus Program Hutan dan Pantai dari *Global Environmental Centre* (GEC) berkenaan hutan paya gambut dan hutan paya bakau



Penerangan berkenaan Pembangunan Projek Karbon Hutan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor



Taklimat ringkas berkenaan kawasan Hutan Simpan Kluang Tambahan, Kluang telah disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan, Encik Ahmad Meisery bin Abdul Hakim Amir



Sesi taklimat oleh Encik Nagarajan a/l Rengasami, Pengurus Program Hutan dan Pantai dari *Global Environmental Centre* (GEC) berkenaan hutan paya gambut dan hutan paya bakau

PROGRAM *TRANS MOUNT LAMBAK TRAIL* 2024 (TMLT 2024)

Disediakan oleh: Mohd Iqbhal Hisham bin Sazali
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KLUANG, 9 MAC 2024

Program Larian "*Trans Mount Lambak Trail* 2024 (TMLT 2024)" telah diadakan di dalam kawasan Hutan Simpan Renggam, Kluang. Peserta memulakan larian daripada dataran tempat letak kenderaan Gunung Lambak Resort, Kluang. Seterusnya mendaki ke puncak Gunung Lambak dengan ketinggian 510 meter a.p.l dan berpatah balik ke lokasi permulaan larian.

Penyertaan ini terbuka kepada tiga kategori iaitu 8 km, 6 jam dan 12 jam. Program ini merupakan acara larian denai "*ultra*" bertaraf antarabangsa yang pertama kali diadakan di daerah Kluang, Johor dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari peminat sukan ini. Seramai 259 orang peserta telah menyertai TMLT 2024 dengan pecahan 169 peserta Malaysia dan 90 peserta luar negara yang terdiri daripada Singapura, China, Indonesia, Filipina, Norway, United Kingdom dan Portugal. Program ini juga bertujuan memberi ruang untuk beriadah di kawasan hutan semulajadi serta dapat memupuk gaya hidup sihat yang melibatkan pelbagai peringkat umur, bangsa dan agama.

Acara pelepasan *flag-off* peserta seramai 53 orang peserta bagi kategori 12 jam bermula pada 4:00 pagi. Manakala, *flag-off* peserta bagi kategori 6 jam seramai 126 orang peserta dan 6 km seramai 80 orang peserta telah berlangsung secara serentak pada 8:00 pagi. *Flag-off* telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Program ini juga dimeriahkan dengan pameran bertemakan "Pengembaraan Hutan" (*Jungle Journey*) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) yang bertujuan meningkatkan kesedaran kepentingan dan kecintaan kepada hutan dan alam sekitar di samping mempromosikan kawasan Hutan Simpanan Kekal sebagai destinasi ekopelancongan utama khususnya di daerah Kluang. Disamping JPNJ, pameran ini turut disertai oleh Pejabat Tanah Daerah Kluang (Tema: Pengurusan Cukai Pelbagai) dan Jabatan Perangkaan Daerah Kluang [Tema: Pangkalan Data Utama (PADU)] yang melibatkan penerangan dan taklimat dari pegawai-pegawai agensi yang terlibat.

Kejayaan penganjuran "*Trans Mount Lambak Trail* 2024 TMLT 2024" di Gunung Lambak, Hutan Simpan Renggam, Kluang ini sebagai satu kejayaan yang wajar diraikan bersama oleh pelbagai pihak terutama jabatan atau agensi yang telah memberikan komitmen tanpa berbelah bagi. Tahniah juga kepada penganjur iaitu *Eventure Projects* yang berjaya menganjurkan program ini.



Sesi bacaan doa sebelum sebelum acara *flag-off* TMLT telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri



Sesi "*Warming Up*" sebelum memulakan acara TMLT 2024



Sesi bergambar kenangan bersama Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang, Ahli Dewan Undangan Negeri (Mengkibol) dan Ketua-ketua Jabatan Daerah Kluang



Flag-off bagi kategori 6 jam dan 8 km telah dilepaskan pada pukul 8:00 pagi yang melibatkan sebanyak 206 orang peserta

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL MENGENAI PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES PERSISIRAN PANTAI (JTPP) BIL. 1/2024 DAN LAWATAN KERJA LAMAN BAKAU PARIT KASSIM, MUAR

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab. Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MUAR, 20 MAC 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Mengenai Perancangan dan Perlaksanaan Penanaman Pokok Bakau dan spesies Persisiran Pantai (JTPP) Bil. 1/2024 telah diadakan bagi membincangkan perancangan serta pelaksanaan penanaman pokok bakau dan spesies persisiran pantai di Semenanjung Malaysia.

Program diteruskan dengan Lawatan Kerja ke Laman Bakau Parit Kassim, Muar yang dihadiri seramai 32 orang daripada Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pengarah-pengarah Negeri, Pejabat Daerah Muar, Kelab Komuniti Bakau Parit Jawa, pegawai-pegawai kanan dan komuniti setempat. Taklimat pengurusan pembangunan Laman Bakau Parit Kassim telah dikongsikan oleh YBrs. Encik Mohd Afezan bin Yahya, Penghulu Mukim Parit Jawa, Muar.

YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor dan YBrs. Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim, Pegawai Daerah Muar telah menanam pokok spesies Nyireh (*Xylocarpus moluccensis*) bagi membantu memulihkan semula paya bakau disamping melengkapi sesi lawatan.

Titian Bakau sepanjang 300 meter memberikan peluang kepada pengunjung untuk menerokai ekosistem sebenar Hutan Paya Bakau tanpa menjejaskan dirian tersebut. Sehingga kini, sebanyak 5 ribu pokok bakau terdiri daripada pelbagai spesies telah ditanam dengan keluasan kawasan 1.2 hektar oleh pelbagai pihak seperti agensi, NGO, universiti dan sukarelawan. Jabatan Perhutanan Negeri Johor mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan komitmen JPSM, semua agensi, komuniti setempat dan pihak yang terlibat dalam menyokong inisiatif kerajaan memelihara dan menikmati kelestarian ekosistem hutan paya bakau.



Sesi Lawatan Kerja Ahli Mesyuarat JTPP ke Laman Bakau Parit Kassim, Muar



Sesi menyusuri ``Parit Jawa *Walk of Life"* bersama ahli Mesyuarat JTPP



Sesi penyerahan cenderahati kepada YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia oleh YBhg. Dato' Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor



Sesi bergambar YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza Bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor dan YBrs. Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim, Pegawai Daerah Muar di ``Parit Jawa *Walk of Life"*

MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2024

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab. Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

MUAR, 21 MAC 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2024 di Sekolah Tinggi Muar pada 21 Mac 2024 bertemakan "Hutan dan Inovasi: Ke Arah Solusi Yang Lebih Baik ("*Forests and Innovation: New solutions for a better world*"). Tema ini menekankan kepentingan inovasi dalam perhutanan untuk mengatasi cabaran alam sekitar global dan memelihara hutan untuk generasi akan datang melalui gabungan teknologi, sains dan penyertaan masyarakat.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Sesi lawatan ke pameran JPNJ dan sekitar sekolah turut diadakan. Dua pokok spesies Salam (*Syzygium polyanthum*) telah ditanam bagi menyerikan dan menyempurnakan lagi majlis pada hari ini.

Turut hadir YBhg. Dato' Hj Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan), YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal), YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah JPNJ, YBrs. Tuan Hj Hasrin Kamal bin Hashim, Pegawai Daerah Muar, Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat JPSM, Pengarah-pengarah Negeri, pegawai-pegawai kanan dan para pelajar.

JPNJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YBrs. Tuan Mohd Sulaiman bin Ahmad, Pengetua Sekolah Tinggi Muar di atas sokongan bagi menyambut Hari Hutan Antarabangsa ini. Marilah kita sama-sama berusaha dan berganding bahu untuk memelihara dan memulihara khazanah hutan negara ini.



Perasmian Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia di Sekolah Tinggi Muar, Johor



Sesi penyerahan cenderahati kepada YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor



Penanaman pokok oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sempena Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa di Sekolah Tinggi Muar, Johor



Gambar kenangan bersama dif-dif jemputan

PROGRAM *PANTI BIRD RACE* JOHOR (PBRJ) 2024

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab. Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KOTA TINGGI, 27 DAN 28 APRIL 2024

Panti *Bird Race* Johor 2024 (PBRJ 2024) telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) bersama Persatuan Pencinta Alam Malaysia [Malaysia *Nature Society* (MNS)] dengan sokongan dan kerjasama *Birdlife International*, *Nature Society Singapore* dan Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST) telah berlangsung pada 27 dan 28 April 2024 di Suaka Burung Panti Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi, Johor. Objektif program ini bagi menjadikan Suaka Burung Panti sebagai salah satu destinasi pelancongan *Ecotourism* atau *Avitourism* kepada semua peminat spesies burung tempatan mahupun dari luar negara.



Acara *flag-off* Panti *Bird Race* Johor (PBRJ) 2024 yang telah disempurnakan oleh oleh YBhg. Tuan Haji Ahmad Nazir bin Haji Mohd Nasir, Pegawai Daerah Kota Tinggi

Acara pelepasan peserta *flag-off* telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Ahmad Nazir bin Haji Mohd Nasir, Pegawai Daerah Kota Tinggi, Pejabat Daerah Kota Tinggi pada jam 10:00 pagi. Penganjuran Panti *Bird Race* Johor 2024 merupakan pertandingan rasmi yang terbuka penyertaan kepada peminat-peminat burung dalam dan luar negara. Pertandingan kali ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 117 peserta dari dalam dan luar negara yang melibatkan tiga kategori yang dipertandingkan iaitu *Novice Bird Race*, *Advance Bird Race* dan *Photo Race*. Seramai 43 orang peserta luar negara telah menyertai program ini seperti Singapura dan India. Hari Terbuka Suaka Burung Panti turut diadakan bersempena dengan penganjuran Panti *Bird Race* Johor 2024 melibatkan penyertaan di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang mengambil bahagian dalam acara karnival seperti *treasure hunt*, *nature walk*, *seed to tree*, *nature talk*, pameran, kuiz dan pertandingan mewarna. Pertandingan mewarna disertai seramai 32 orang pelajar sekolah kebangsaan dengan penglibatan daripada lapan buah sekolah dalam daerah Kota Tinggi seperti Sekolah Kebangsaan Mawai, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) New Kota, Sekolah Kebangsaan Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Jalan Tajul dan lain-lain.



Gambar peserta "*bird watching*" yang berada di dalam Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Panti *Bird Race* Johor 2024 telah berlangsung pada 28 April 2024 dan majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar. Sebanyak lima kumpulan terdiri daripada 17 orang peserta telah mendaftarkan diri menyertai *Treasure Hunt* bagi memberi peluang kepada peserta untuk mendalami keunikan flora dan fauna yang terdapat dalam Hutan Simpan Panti dengan menghabiskan cabaran dalam masa tiga jam dan 10 *checkpoints*. Sebanyak 15 kumpulan telah memenangi hadiah yang dipertandingkan bagi Panti *Bird Race* Johor 2024. Juara bagi kategori *Photo Bird Race* sebanyak 30 spesies berjaya direkodkan, kategori *Novice Bird Race* sebanyak 50 spesies dan pemenang bagi *Advance Bird Race* berjaya mencatat 81 spesies burung dalam PBRJ 2024. JPNJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi kerajaan, persatuan, sekolah-sekolah dan semua yang terlibat dalam memberi 15 kerjasama erat dalam melaksanakan PBRJ 2024.



Sesi pelepasan *flag-off* peserta bagi PBRJ 2024



YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar menyampaikan hadiah kepada pemenang yang menyertai PBRJ 2024

PROGRAM 4X4 *ADVENTURE* @ SALUR GAJAH

Disediakan oleh: Mohd Iqbhal Hisham bin Sazali
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

SEGAMAT, 31 MEI 2024

Tourism Malaysia Wilayah Selatan (TMWS) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan *Tourism* Johor terus giat mempromosikan pelancongan domestik melalui penganjuran program '4X4 *Adventure* @ Salor Gajah'. Penganjuran program ini bagi mempromosikan destinasi pengembaraan alam semulajadi ke Kem Salor Gajah, Hutan Simpan Labis, Segamat bagi mengetengahkan aktiviti sukan lasak di bawah segmen ekopelancongan khususnya yang melibatkan kenderaan pacuan empat roda.

Pelepasan eksplorasi ini telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Muhamad Nasir bin Pahmi, Pengarah *Tourism* Malaysia Wilayah Selatan bertempat di Cabin Hills Labis Eco Resort pada 31 Mei 2024. Eksplorasi selama tiga hari ini bermula pada 31 Mei sehingga 2 Jun 2024 yang melibatkan 20 buah kenderaan pacuan empat roda. Seramai 50 peserta dari pelbagai kelab/ persatuan pacuan empat roda daripada negeri Johor, Melaka dan Selangor. Selain itu, program ini turut disertai oleh rakan media seperti RTM Negeri Johor dan Bernama.

Peserta berpeluang meredah dan merentas trek sukan lasak Salor Gajah sepanjang 14 kilometer di samping aktiviti perkhemahan, merentas hutan dan mendaki bukit untuk menikmati keindahan Air Terjun Salor Gajah. Peserta juga diberi pendedahan berkaitan alam semulajadi, taklimat kecemasan, persiapan dan pengendalian kenderaan pacuan empat roda melalui sesi perkongsian oleh JPNJ, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan ahli-ahli persatuan kenderaan pacuan empat roda yang turut serta.

Program yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh *Tourism* Malaysia Wilayah Selatan dan JPNJ ini menarik minat serta dijangka meningkatkan kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke daerah Segamat khususnya dan Johor amnya.



Sesi bergambar bersama Pengarah *Tourism* Malaysia Wilayah Selatan, Wakil *Tourism* Johor, Wakil JPNJ, Wakil Jabatan Bomba & Penyelamat dan peserta 4X4 *Adventure* @ Salor Gajah.



Sesi taklimat keselamatan dari pihak JPNJ kepada semua peserta Program 4X4 *Adventure* @ Salor Gajah



Antara cabaran yang dihadapi oleh peserta Program 4X4 *Adventure* @ Salor Gajah di Trek Sukan Lasak Salor Gajah, Labis



Sesi taklimat keselamatan dari pihak Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia

PROGRAM TRANS QJM GUNUNG PULAI *ULTRA* 2024

Disediakan oleh: Mohd Iqbhal Hisham bin Sazali
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

KULAI, 22 JUN 2024

Trans QJM Gunung Pulai Ultra 2024 merupakan program larian denai dalam kawasan hutan iaitu di Taman Eko Rimba Gunung Pulai, Daerah Kulai, Johor. Program larian denai yang julung kalinya diadakan dalam Daerah Kulai ini merupakan anjuran bersama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), *Mountain Goat Events*, Kelab Aktiviti Luar Ribuan Kembara Negeri Johor dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) sempena dengan sambutan ke-20 tahun MPKu.

Program ini melibatkan empat kategori larian iaitu Gunung Pulai *Vertical Run* (10 km), *Trans Q* (20 km), *Trans QJM Pro* (30 km) dan *Trans QJM Ultra* (50 km) yang terbuka kepada empat kategori iaitu Lelaki Terbuka, Perempuan Terbuka, Lelaki Veteran Terbuka, Perempuan Veteran Terbuka dan satu pengiktirafan kategori *Golden* Veteran kepada peserta yang berumur melebihi 60 tahun. Penganjuran program bertaraf antarabangsa ini melibatkan penyertaan seramai 1,064 orang peserta yang terdiri daripada 841 peserta warganegara Malaysia dan 223 orang peserta luar negara iaitu Australia, Hungary, India, China, Netherlands, New Zealand, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun, Indonesia dan Singapura. Pelepasan larian *flag-off* bagi kategori *Trans QJM* (50km) pada pukul 1.00 pagi dan *Trans QJM Pro* (30 km) pada pukul 4.00 pagi disempurnakan oleh YBhg. Dato' Salim bin Aman, Pengarah JPNJ. Manakala, pelepasan bagi kategori *Trans Q* (20 km) pada pukul 7.30 pagi dan *Vertical Run* (10 km) pada pukul 8.00 pagi oleh YBhg. Tuan Fizwan bin Dato Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai selaku wakil rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Majlis Penyampaian Hadiah bagi Kategori 10 km (Gunung Pulai *Vertical Run*) pada 11:00 pagi telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Fadil bin Misnan, Ketua Whip Merangkap Ahli Majlis Zon Taman Putri, Majlis Perbandaran Kulai dan YBhg. Dato Haji Salim bin Aman, Pengarah JPNJ. Manakala, Majlis Penyampaian Hadiah bagi kategori 20 km (*Trans Q*) telah diadakan pada pukul 3:00 petang, kategori 30 km (T*rans QJM Pro*) dan 50 km (*Trans QJM Ultra*) pada pukul 6:00 petang. Hadiah kepada pemenang bagi setiap kategori sehingga tempat ke-10 berupa wang tunai, trofi dan "*finisher T-shirt*" di samping hadiah sampingan daripada penaja. Penganjuran program larian ini bertujuan membantu mempromosikan produk dan program ekopelancongan Negeri Johor khususnya Daerah Kulai iaitu Taman Eko Rimba Gunung Pulai dan dalam masa yang sama dapat memberi peluang beriadah di kawasan hutan semulajadi serta dapat memupuk gaya hidup sihat yang melibatkan pelbagai peringkat umur, bangsa dan agama.

JPNJ merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yg terlibat, khususnya Kerajaan Negeri Johor melalui Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas sokongan dan kerjasama dalam penganjuran program ini.



Para peserta sedang merentasi laluan trek Gunung Pulai semasa hujan



Pemenang bagi acara 50 km telah dimenangi oleh En. Conte Jake Pointer dengan catatan masa 9 jam 51 minit 25 saat



YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman menyerahkan medal kepada peserta *Trans* QJM Gunung Pulai *Ultra* 2024



Sekitar suasana Majlis Penyampaian Hadiah kepada peserta bagi kategori 10 km *Trans* QJM Gunung Pulai *Ultra* 2024

LAWATAN ILMIAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR KE KUCHING, SARAWAK

Disediakan oleh: Nurul Izati binti Wagimin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor


KUCHING, SARAWAK, 25-27 JUN 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah memulakan lawatan pada 25 Jun 2024 dengan satu sesi kunjung hormat bersama Pengarah Hutan Sarawak, Datu Hamden bin Haji Mohammad di Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak (JHS). Seterusnya, JHS telah menyampaikan taklimat berkenaan Pembangunan Kredit Karbon Hutan Sarawak bagi memberi penerangan lanjut tentang inisiatif berkaitan pasaran karbon yang telah dilaksanakan oleh JHS. Seterusnya, lawatan diteruskan ke Sarawak Tropical Peat Research Institute, Kota Samarahan (Sarawak TROPI) bagi mendapatkan perkongsian mengenai hasil penyelidikan dan kajian saintifik yang telah dilaksanakan oleh pihak Sarawak TROPI untuk pengurusan dan konservasi kawasan hutan paya gambut di negeri Sarawak melalui taklimat dan lawatan ke makmal penyelidikan mereka.



Pihak Jabatan Hutan Sarawak telah menyampaikan Taklimat Berkenaan Pembangunan Kredit Karbon Hutan Sarawak

Pada 26 Jun 2024, lawatan ini telah berkunjung ke Sarawak Biodiversity Centre (SBC) yang merupakan sebuah agensi Sarawak yang diamanahkan untuk memulakan penyelidikan dan pembangunan bioteknologi yang intensif berdasarkan sumber sumber biologi Negara - terutamanya yang telah digunakan oleh komuniti pribumi dan untuk memudahkan dokumentasi pengetahuan tradisional yang semakin hilang dengan cepat dari komuniti pribumi mengenai penggunaan sumber-sumber biologi. Di sini, lawatan ini telah diiringi oleh Puan Arlene Alicia anak Toaiang, Pegawai Penyelidik yang telah banyak memberi pendedahan kepada peserta lawatan dengan '*Litsara Traditional Wisdom Tour*'.



Sesi bergambar bersama kakitangan Sarawak Biodiversity Centre (SBC)

Setelah itu, lawatan diteruskan dengan kunjungan ke Semenggoh Wildlife Centre, Kuching. Lawatan ini telah disambut dan diiringi oleh Encik Asraff bin Julaihi Khan, Kuching *Region Officer*. Sepanjang lawatan ini, beliau telah berkongsi mengenai konsep penubuhan, pengurusan dan pengoperasian pusat hidupan liar tersebut. Pada 27 Jun 2024, lawatan dimulakan dengan kunjungan ke Galeri Sarawak Delta Geopark yang terletak berhampiran dengan Taman Budaya Kuching. Galeri ini dibawah seliaan bersama antara dua agensi iaitu Sarawak Forestry Corporation dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Sarawak. Satu taklimat ringkas telah disampaikan oleh pegawai JMG Sarawak berkenaan dengan Sarawak Delta Geopark. Kemudian, lawatan diteruskan ke Taman Budaya Sarawak iaitu sebuah muzium hidup yang memaparkan pelbagai budaya dan gaya hidup dari pelbagai etnik di Sarawak, termasuk komuniti Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Penan, Melanau, Melayu, dan Cina. Beberapa tarikan utama di Taman Budaya Sarawak termasuk Rumah Tradisional, Persembahan Budaya, Kraftangan dan Demonstrasi. Taman Budaya Sarawak adalah destinasi popular untuk pelancong dan sumber pendidikan yang berharga bagi mereka yang berminat untuk mempelajari kepelbagaian budaya yang kaya di Sarawak.



Sesi bergambar kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor di Taman Budaya Sarawak

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada JHS, Sarawak Tropical Peat Research Institute, Kota Samarahan (Sarawak TROPI), Sarawak Biodiversity Centre (SBC) dan Semenggoh Wildlife Centre, Kuching, Galeri Sarawak Delta Geopark dan Taman Budaya Kuching kerana sudi menerima kunjungan JPNJ.



Taklimat daripada kakitangan Sarawak Biodiversity Centre (SBC) berkaitan produk-produk yang telah dihasilkan

JPN NEGERI SEMBILAN

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	12 JANUARI 2024	SESI PEMBELAJARAN "JOM BELAJAR POKOK" SESI 1/2024 , SESI 2/2024 DAN SESI 3/2024	11
2	19-21 FEBRUARI 2024	KURSUS PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN KENDERAAN JABATAN SERTA LATIHAN PEMANDUAN PACUAN EMPAT RODA (4x4) KOLABORASI BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN, JKR NEGERI SEMBILAN & JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SEMBILAN	12
3	28-29 MEI 2024	KURSUS ASAS PENGGUNAAN APLIKASI CANVA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN	13
4	4 JUN 2024	OPERASI BERSEPADU MENCARI DAN MENYELAMAT (SAR) TIGA WARGANEGARA ASING HILANG DI DALAM HUTAN SIMPAN KENABOI	14
5	28 JUN 2024	PERTANDINGAN BOLING PUSPANITA, JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN	15

SESI PEMBELAJARAN ``JOM BELAJAR POKOK'' SESI 1/2024 , SESI 2/2024 DAN SESI 3/2024

Disediakan oleh: Norfazilah binti Sayal Ruddin
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

KUALA PILAH, 12 JANUARI 2024, 16 FEBRUARI 2024, 23 MEI 2024

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Sembilan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan 10 Sesi Pembelajaran``Jom Belajar Pokok'' sepanjang tahun 2024. Sehingga kini, sebanyak tiga Kelas Dendrologi telah berjaya dilaksanakan iaitu pada 12 Januari 2024, 16 Februari 2024, dan 23 Mei 2024. Program ini berlangsung di Taman Eko Rimba Ulu Bendul, Kuala Pilah, dengan penyertaan seramai 45 orang Pegawai dan Kakitangan Jabatan.

Objektif utama sesi pembelajaran ini adalah untuk memastikan Pegawai dan Kakitangan JPN Negeri Sembilan berjaya menguasai bidang teras dalam perhutanan, iaitu Dendrologi. Sesi pembelajaran ini dijalankan secara berterusan bagi menilai kompetensi Pegawai dan Kakitangan, seterusnya diaplikasikan dalam tugasan lapangan bagi semua aspek kerja-kerja operasi dan pembangunan hutan.

Setiap sesi dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman, iaitu Encik Zamre bin Muhamad, Pengawas Hutan Kanan, dibantu oleh Encik Mat Jais bin Mat Nor, Pengawas Hutan Kanan dan Encik Mohd Fatul Hakim bin Ab Rahim, Pembantu Awam JPN Negeri Sembilan.

Pada sesi 1/2024 dan 2/2024, Pegawai dan Kakitangan JPN Negeri Sembilan telah mempelajari lebih daripada 20 jenis pokok, termasuk spesies Dipterokap dan Bukan Dipterokap serta spesies herba. Antara spesies yang telah dipelajari ialah spesies Meranti sarang punai, spesies Meranti pa'ang, spesies Meranti kepong, spesies Merbau dan banyak lagi. Sesi 3/2024 pula Ujian Penilaian Kompetensi telah diadakan bagi menilai pemahaman dan keberkesanan latihan yang telah dilaksanakan. Peserta dikehendaki membuat pengecaman 30 sampel pokok dan 30 sampel daun.

Secara keseluruhannya, program ``Jom Belajar Pokok'' ini berjaya mencapai matlamatnya dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Pegawai serta Kakitangan Jabatan, sekaligus memperkukuhkan keupayaan mereka dalam menjalankan tugas sebagai pemelihara hutan dengan lebih berkesan.



Sesi Ujian Penilaian Daun



Sesi Ujian Penilaian Pokok



Pegawai dan Kakitangan JPN Negeri Sembilan bagi Sesi Pembelajaran ``Jom Belajar Pokok''

Sesi Pembelajaran Pokok Dan Daun

KURSUS PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN KENDERAAN JABATAN SERTA LATIHAN PEMANDUAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) KOLABORASI BERSAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN, JKR NEGERI SEMBILAN & JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Norita binti Sutahar
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

BATU KIKIR, 19-21 FEBRUARI 2024

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Sembilan dengan kolaborasi bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Negeri Sembilan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Negeri Sembilan telah melaksanakan Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan serta Latihan Pemanduan Pacuan Empat Roda (4x4) pada 19 hingga 21 Februari 2024 bertempat di Pusat Kokurikulum Negeri, Kem PUSAKO Hassan Basir, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Kursus ini merupakan kolaborasi pertama bersama tiga agensi dan telah dilaksanakan dengan jayanya.

Objektif utama kursus ini dilaksanakan adalah bagi memastikan semua pemandu kenderaan jabatan mengamalkan etika pemanduan yang selamat dan berhemah disamping menerapkan sikap bertanggungjawab dalam setiap tugas yang dijalankan. Sebagai seorang penjawat awam, para peserta diberi pendedahan berkaitan Pengurusan Kenderaan Kerajaan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia. Mereka diajar berkaitan Tanggungjawab dan Tugas Pemandu Kenderaan Jabatan, Tatacara Pengisian Buku Log, Tatacara Pengendalian Kemalangan Kenderaan Kerajaan serta Penyelenggaraan dan Penjagaan Kenderaan Jabatan. Modul ini telah disampaikan oleh tenaga pengajar daripada JKR Negeri Sembilan.

Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan cara pemanduan pacuan empat roda (4x4) di kawasan *off-road* (hutan) dan kemahiran teknikal yang berkaitan. Amali teknikal telah dikendalikan oleh tenaga pengajar dan fasilitator daripada JPN Negeri Sembilan. Simulasi kemalangan kenderaan jabatan telah dilaksanakan semasa amali lapangan dan tenaga pengajar daripada JBPM, Negeri Sembilan telah memberi pendedahan berkaitan kaedah penyelamatan sebagai ``*First Responder*" jika berlaku sebarang kecederaan atau kemalangan kenderaan.

Majlis Perasmian Penutup telah dirasmikan oleh Ketua Jurutera Mekanikal Negeri Sembilan, Ir. Mohamad Nizam bin Ibrahim. Turut hadir Jurutera Hutan, Ir. Aalim bin Abdullah dan Ketua Zon Jempol JBPM Negeri Sembilan, Penguasa Bomba Tuan Yusry bin Abdullah Sani bersama-sama merasmikan penutupan kursus dan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta yang terlibat.



Kaedah penyelamatan sebagai ``*First Responder*"



Cara pemanduan kereta pacuan empat roda (4x4) di kawasan *off-road* (hutan)



Simulasi teknik pemanduan dan kaedah penyelamatan bagi kawasan tebing yang curam



Barisan peserta kursus serta tenaga pengajar bersama wakil agensi di Majlis Penutupan Perasmian Kursus

KURSUS ASAS PENGGUNAAN APLIKASI CANVA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Norfazilah binti Sayal Ruddin
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

SEREMBAN, 28-29 MEI 2024

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Sembilan dalam usaha meningkatkan kecekapan dari segi teori dan praktikal kepada Kakitangan Jabatan berkaitan kaedah pemasaran di media sosial selari dengan usaha pihak Kerajaan untuk memanfaatkan platform pendigitalan dalam penyampaian maklumat. Sehubungan dengan itu, JPN Negeri Sembilan telah mengadakan Kursus Asas Penggunaan Aplikasi Canva selama dua hari, iaitu pada 28 hingga 29 Mei 2024 bertempat di Makmal Komputer, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Seremban, Negeri Sembilan. Seramai 30 orang pegawai dan kakitangan jabatan telah menyertai kursus ini.

Pihak Jabatan telah menjemput Cik Lina Khalida atau lebih dikenali dengan Its Kalin, seorang jurulatih bertauliah dan *Canvassador*, untuk mengendalikan kursus ini. Beliau juga diiktiraf di bawah *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp). Cik Lina Khalida mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 50 agensi, termasuk Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn Bhd. Antara anugerah yang beliau miliki adalah beliau telah terpilih untuk menjadi *Official* Tiktok Guru yang telah dilantik oleh Tiktok Malaysia dibawah Tiktok *Creator Program*.

Di dalam kursus ini para peserta telah diperkenalkan dengan aplikasi Canva serta cara penggunaan nya. Antara modul yang dipelajari adalah pengenalan Canva, fungsi dan kelebihan aplikasi Canva, suntingan video, reka bentuk banner, poster animasi, slide pembentangan dan latihan *hands-on*. Majlis Penutup telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Hamidi bin Abd Halim, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan. Diharapkan dengan ilmu yang telah dipelajari, Pegawai dan juga Kakitangan Jabatan dapat menghasilkan bahan komunikasi dan promosi yang lebih interaktif juga menarik, seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan jabatan.



Pegawai dan kakitangan JPN Negeri Sembilan semasa sesi latihan *hands-on*



Pegawai dan kakitangan JPN Negeri Sembilan semasa sesi pembelajaran



Pegawai dan kakitangan JPN Negeri Sembilan serta Pengarah JPN Negeri Sembilan bersama jurulatih Cik Lina Khalida

OPERASI BERSEPADU MENCARI DAN MENYELAMAT (SAR) TIGA WARGANEGARA ASING HILANG DI DALAM HUTAN SIMPAN KENABOI

Disediakan oleh: Nur Ainina Khairunnisa binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

JELEBU, 4 JUN 2024

Pada tarikh 4 Jun 2024, seramai tiga orang warganegara asing (United Kingdom, Ecuador dan Mexico) telah dilaporkan hilang oleh salah seorang isteri mangsa dan lokasi terakhir dikesan ialah di Taman Negeri Kenaboi. Operasi Bersepadu dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Sembilan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Negeri Sembilan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Negeri Sembilan serta kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Sembilan (Taman Negeri, Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara, Unit Operasi dan Penguatkuasaan serta Unit Siasatan) telah terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat.

Ketiga-tiga mangsa dipercayai telah memasuki Taman Negeri Kenaboi pada 3 Jun 2024 dengan menaiki basikal tanpa Permit Memasuki Hutan Simpan yang sah kerana pengoperasian di Taman Negeri Kenaboi masih ditutup pada ketika itu. Walaupun telah dihalang oleh pihak pengawal keselamatan, mereka tetap memasuki ke Taman Negeri Kenaboi menggunakan "laluan tikus" dan telah terserempak dengan beberapa penduduk kampung Orang Asli di laluan trek ke Lata Dinding.

Berdasarkan maklumat tersebut, pihak polis selaku komanden bagi Kumpulan SAR ini telah mengarahkan anggota penyelamatan untuk membuat pencarian di kawasan tersebut. Kira-kira jam 4:00 petang, ketiga-tiga warganegara asing tersebut telah dijumpai dalam keadaan selamat, namun terdapat sedikit luka dan calar. Mereka telah dihantar ke Hospital Jelebu untuk pemeriksaan sebelum dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Jelebu bagi siasatan lanjut.

Unit Operasi dan Penguatkuasaan, JPN Negeri Sembilan telah menyita tiga (3) buah basikal juga beberapa barang peribadi milik setiap mangsa dan dihantar ke Pusat Sitaan JPN Negeri Sembilan, Gentam. Unit Siasatan telah membuka kertas penyiasatan dan membuat rakaman percakapan. Ketiga-tiga mangsa didapati bersalah dan telah dikenakan kompaun berjumlah lima ribu ringgit (RM5,000.00) seorang di bawah Seksyen 47(1), Enakmen Perhutanan Negara (Penerimapakaian) 1986 menjadikan jumlah keseluruhan kompaun sebanyak lima belas ribu ringgit (RM15,000.00).



Taklimat sebelum operasi pencarian



Ketiga-tiga mangsa yang ditemui di lokasi kejadian



Post-mortem selepas operasi pencarian



Barang sitaan oleh JPN Negeri Sembilan

PERTANDINGAN BOLING PUSPANITA, JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Nur Fatin Mawaddah binti Abdul Ghani
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

SEREMBAN, 28 JUN 2024

Pertandingan Boling diantara ahli PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Sembilan telah diadakan dengan jayanya pada 28 Jun 2024 bertempat di Ampang Superbowl, Seremban Prima, Seremban yang melibatkan penyertaan seramai 40 orang ahli PUSPANITA JPN Negeri Sembilan. Pertandingan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara kakitangan dan ahli jawatankuasa tertinggi PUSPANITA.

Sebanyak dua kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Individu dan Kategori Berkumpulan dimana hadiah berupa wang tunai diberikan kepada setiap peserta bagi Tempat Pertama hingga Tempat Kelima bagi kedua-dua kategori serta hadiah saguhati kepada tiga individu terpilih. Program ini telah mendapat sokongan dan kerjasama penuh daripada Puan Hajah Suhana binti Sabran, selaku Pengerusi PUSPANITA JPN Negeri Sembilan, Puan Siti Noreena binti Abdul Wahab, Timbalan Pengerusi serta semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan juga para peserta yang terlibat menjayakan pertandingan ini.



Warga Puspanita JPN Negeri Sembilan



Juara bersama kategori Individu



Juara kategori berkumpulan



Penerima saguhati

JPN TERENGGANU

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	29 JANUARI 2024	MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU PPN TAHUN 2024	16
2	29 FEBRUARI 2024	MAJLIS *KICK OFF* PENGHIJAUAN MALAYSIA	17
3	18 MAC 2024	KURSUS INTEGRITI PEGAWAI KANAN	18
4	25 MAC 2024	OPS JPNT TAHUN 2024	19
5	26 MAC 2024	PROGRAM PENYEDIAAN DAN PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK PHDTB	20
6	9 MEI 2024	SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2024 JPNT	21
7	14 MEI 2024	MAJLIS SANJUNGAN BUDI TPPN	22
8	26 MEI 2024	LAWATAN AMALI KERJA LAPANGAN PELAJAR UPM	23
9	20 JUN 2024	PROGRAM IBADAH KORBAN 1445H JPNT	24

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU PPN TAHUN 2024

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA NERUS, 29 JANUARI 2024

YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Terengganu dalam ucapannya telah mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) yang telah menggembleng sepenuh tenaga dan usaha dalam menyempurnakan segala tugasan serta peranan masing-masing sepanjang tahun 2023 dan mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat tahun baharu 2024 kepada seluruh warga JPNT. Harapan beliau agar tahun 2024 akan lebih baik dan cemerlang berbanding daripada tahun sebelumnya.



Pegawai dan kakitangan memperbaharui ikrar 2024

Selain itu, beliau juga berpesan kepada semua warga JPNT, untuk terus mengekalkan momentum dan usaha yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2023 dan serta melaksanakan amanah dengan semangat untuk sentiasa menegakkan dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Apa jua yang memberi kelebihan dan kebaikan kepada kumpulan sasar, harus dilipat gandakan. Sekiranya terdapat kekurangan daripada penyampaian perkhidmatan yang dikenal pasti pada tahun lepas, haruslah ditambahbaik. Pencapaian tahun lepas haruslah ditingkatkan lagi dan kelangsungan agenda dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk membantu kumpulan sasar mestilah diteruskan. Selaras dengan petikan ucapan YAB Menteri Besar dalam Pembentangan Belanjawan 2024 dengan temanya,``Menerajui Era Baharu Terengganu"



Pegawai kanan menendatangani dan memperbaharui ikrar 2024

Semasa majlis tersebut, semua pegawai dan kakitangan telah melafazkan ikrar yang diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Hutan Daerah Terengganu Selatan seterusnya menandatangan memperbaharui ikrar. PPN juga telah menyampaikan hadiah kepada Pasukan Perbarisan Jabatan yang telah mendapat Naib Johan dalam pertandingan perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Terengganu yang telah diadakan pada 31 Ogos 2023 bagi kategori Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun/ IPT Beruniform dan juga penyampaian hadiah kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat menyertai Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Terengganu yang bermula dari 27 Jun 2023 dan telah memenangi Anugerah Khas Juri dan Anugerah Projek Harapan serta dianugerahkan empat bintang.

Bagi meringankan beban pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan banjir, PPN melalui Persatuan Sukan dan Kebajikan Terengganu (PERSUKAT) telah berbesar hati menyampaikan sumbangan kepada semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan banjir pada hujung tahun 2023. Majlis berakhir pada jam 1:00 tengah hari dengan jamuan makan tengah hari bagi semua yang hadir.



PPN bergambar bersama kumpulan yang memenangi Anugerah Inovasi KIK



PPN dan TPPN menandatangani dan memperbaharui ikrar tahun 2024

MAJLIS *KICK-OFF* PENANAMAN POKOK TAHUN 2024 PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK (2021-2025) PERINGKAT NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA NERUS, 29 FEBRUARI 2024

Majlis *Kick-off* Penanaman Pokok Tahun 2024 Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok (2021-2025) Peringkat Negeri Terengganu Darul Iman telah diadakan bertempat di Kem Seri Pantai, Battalion 18, Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) (PARA). Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) dengan kerjasama Batalion Ke-18, Rejimen Askar Melayu Diraja (PARA), Kem Seri Pantai, Kuala Nerus.

Sejumlah 1,500 pokok hutan dan lain-lain spesies telah ditanam di sekitar kawasan Kem Seri Pantai. Spesies pokok hutan yang ditanam adalah Beruas, Merawan siput jantan, Merawan bunga, Penaga lilin, Rhu, Dungun, Melinjau dan Bursida. Terdapat juga pokok buah-buahan seperti Sentul, Kundang, Durian belanda, Durian kampung, Nangka, Jambu arang, Mempelam dan Mata kucing yang telah ditanam dan akan ditanam di sini pada hari ini.

Pihak kakitangan JPNT berganding bahu bersama-sama anggota PARA, Kem Seri Pantai telah berkampung selama empat hari di sini bagi menanam pelbagai spesies pokok bermula 25 hingga 28 Februari 2024 dan kemuncaknya pada hari ini yang menyaksikan penanaman pokok Beruas oleh Yang Berbahagia Dato' Tun Ahmad Faisal bin Tun Abdul Razak, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) yang merupakan pokok Ke-1.3 juta ditanam di Negeri Terengganu sepanjang Kempen Penghijauan Malaysia sebagai simbolik perasmian Majlis *Kick-off* Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2024.

Turut hadir pada Majlis *Kick-off* ini adalah Yang Berbahagia Leftenan Kolonel Zulkifli bin Raub, Ketua Staf Am, Markas 10 Briged (PARA), Yang Berusaha Encik Azran Amin bin Mazlan, Pegawai Daerah Kuala Terengganu, Ketua-ketua Jabatan , Wakil-wakil Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan JPNT Dan Pegawai-pegawai Batalion Ke-18, RAMD (PARA), Kem Seri Pantai.

Program turut diserikan dengan acara mewarna dan menanam pokok oleh anak -anak pegawai Jabatan Perhutanan dan pegawai Batalion Ke-18, RAMD (PARA), Kem Seri Pantai, Kuala Nerus.



Pegawai JPNT dan PARA serta tetamu jemputan yang hadir



Perasmian majlis oleh wakil SUK



Pengarah UPEN menanam pokok ke 1.3 juta



Bergambar kenangan selepas program penanaman pokok di kem Sri Pantai



Sesi menanam pokok oleh anggota PARA

KURSUS INTEGRITI PEGAWAI KANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

BESUT, 18 MAC 2024

Bahagian Latihan, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah menganjurkan Kursus Integriti Pegawai Kanan JPNT bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Chalok (PLPC), Setiu. Seramai 30 orang pegawai dari Gred G29 dan ke atas telah menghadiri kursus tersebut. Fokus utama kursus ini dilaksanakan adalah untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada Pegawai Kanan khasnya terhadap tatacara atau prosedur dalam melaksanakan penyeliaan terhadap kakitangan di bawah seliaan masing-masing.

Kursus ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu Integriti dan Profesionalisme yang disampaikan oleh penceramah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ceramah beliau menitikberatkan terhadap kesalahan rasuah yang melibatkan penjawat awam. Pada sesi kedua, penceramah jemputan adalah daripada Unit Integriti SUK Negeri Terengganu, menerangkan tatacara atau prosedur pengurusan integriti bagi memastikan segala pelaporan kesalahan integriti dapat diselaraskan sebelum dikemukakan kepada Unit Integriti, JPNT.

Kursus ini disambut baik oleh semua pegawai kanan dan mencadangkan untuk menjalankan kursus seperti ini pada masa akan datang dengan melibatkan semua peringkat kakitangan JPNT.



Peserta mendengar ceramah



Penceramah dari Bahagian Integriti , SUK Negeri Terengganu



Gambar kenangan peserta Kursus Integriti bersama penceramah daripada SPRM



Penyampaian cenderamata kepada penceramah daripada SPRM



Gambar kenangan peserta Kursus Integriti daripada Bahagian Integriti , SUK



Penyampaian cenderamata kepada penceramah kepada penceramah daripada Bahagian Integriti , SUK

OPS PINTAS JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU SEMPENA TAHUN BAHARU CINA DAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2024

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA TERENGGANU, 25 MAC 2024

Majlis *flag-off* Ops Pintas tahun 2024 telah diadakan di Dewan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT), Batu Enam telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu. Majlis tersebut juga dihadiri oleh wakil Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Terengganu dan juga wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pegawai dan kakitangan Bahagian Operasi Hutan juga turut terlibat dalam majlis tersebut. OPS Pintas diadakan saban tahun dengan kerjasama JPJ, PDRM dan Pasukan Gerakan AM (PGA) bagi membanteras aktiviti pembalakan haram, sekaigus dapat mencegah kes-kes kecurian kayu pada musim cuti perayaan.



Ucapan Alu-aluan Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu

Operasi berkala telah dilaksanakan oleh Unit Operasi dan Penguatkuasaan Hutan dengan kerjasama setiap daerah dan agensi berkaitan dengan melakukan rondaan dalam tempoh 24 jam sehari mengikut jadual yang telah ditetapkan. Rondaan secara berkala ini dapat mengurangkan kes-kes kemasukan kayu haram tanpa cukai ke kilang-kilang kerja kayu.

Ops Pintas yang dilaksanakan pada tahun ini lebih menekankan di dua lokasi utama iaitu Stesen Penguatkuasaan JPJ Setiu dan Bukit Besi. Ops ini bertujuan untuk memastikan lori-lori yang membawa muatan kayu balak mengikuti peraturan yang telah ditetapkan. Peraturan yang ditekankan dalam operasi ini adalah untuk memastikan kayu balak yang dibawa mempunyai Pas Pemindah yang sah dan muatan kayu kayu balak yang dibawa mengikuti spesifikasi yang telah ditetapkan supaya tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain. Operasi ini telah dijalankan secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan. Dengan adanya operasi ini, pihak Jabatan dapat memastikan lori-lori yang membawa muatan kayu balak mengikut peraturan serta dapat mencegah daripada berlakunya kes kecurian dan pengeluaran kayu balak tanpa Pas Pemindah.



Penyampaian Cenderamata



Sesi taklimat sebelum operasi bersama Pasukan Gerakan Am



Aktiviti membuat sekatan kenderaan berat



Ops bersama JPJ Dungun



Semakan ke kilang kerja kayu di Kg Keruak, Besut

PROGRAM PENYEDIAAN DAN PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK BERSAMA KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH TERENGGANU BARAT

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

AJIL, 26 MAC 2024

Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat (PHDTB) telah menganjurkan Program Penyediaan dan Pengagihan Bubur Lambuk Bersama Kakitangan PHDTB bertempat di Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat, Ajil, Hulu Terengganu dan telah dihadiri oleh Pegawai Hutan Daerah Terengganu Barat, Encik Mohd Hafiz bin Hamzah. Bubur Lambuk telah disediakan dan dimasak sepenuhnya oleh kakitangan PHDTB. Sebanyak 500 bekas telah dapat dihasilkan dan diagihkan kepada semua warga perhutanan di Pejabat Perhutanan Negeri termasuk semua Pejabat Hutan Daerah serta agensi-agensi Kerajaan di sekitar Daerah Hulu Terengganu.

Program seumpama ini wajar diadakan secara tahunan bagi mengeratkan silaturahin di antara kakitangan PHDTB dan dapat meningkatkan kesedaran di kalangan kakitangan dalam menghayati bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan bersama kakitangan jabatan dan juga agensi lain di sekitar kawasan PHDTB.



Penyedian bahan-bahan untuk memasak bubur lambuk



Aktiviti penyediaan bahan-bahan memasak bubur lambuk oleh PUSPANITA



Aktiviti mengacau bubur lambuk oleh kakitangan PHDTB



Aktiviti pembungkusan bubur lambuk untuk diagihkan

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2024M/1445H JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA TERENGGANU, 9 MEI 2024

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah diadakan dengan meriahnya bertempat di Taman Eko Rimba Sekayu, Kuala Berang. Majlis yang disambut sederhana tetapi meriah itu, bermula pada jam 10:00 pagi dan berakhir pada jam 3:00 petang dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan kakitangan JPNT serta wakil-wakil ketua jabatan di sekitar Kuala Berang.

YBhg. Dato' Norhaidi bin Yunus, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Terengganu dalam ucapan perasmiannya melahirkan rasa berbesar hati dengan kerjasama dalam persediaan majlis dan kehadiran lapisan kakitangan dan pegawai di peringkat JPNT, Daerah dan Renj. yang telah menjayakan dan memeriahkan majlis. Penganjuran majlis seumpama ini dapat mengeratkan sillaturahim dan ukhuwah di antara semua kakitangan jabatan dan beliau mengambil kesempatan ini untuk berkenalan lebih rapat lagi terutamanya dengan kakitangan di peringkat daerah dan renj. memandangkan majlis ini merupakan majlis pertama yang dihadiri beliau yang melibatkan semua kakitangan.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bertemakan Tradisional Melayu membangkitkan semangat semua pegawai dan kakitangan dalam penyediaan pakaian dan *booth* mengikut Daerah dan Bahagian telah menambahkan kemeriahan dan warna warni sambutan majlis pada kali ini. Pelbagai kuih-muih dan juadah hari raya aidilfitri yang menyelerakan telah disediakan di setiap *booth* masing-masing.

Selain jamuan makan, sesi cabutan bertuah pertandingan B*ooth* terbaik dan pertandingan Pakaian Terbaik Lelaki dan Wanita juga telah diadakan bagi meraikan juga turut memeriahkan lagi sambutan majlis.



Simbolik penanaman pokok oleh PPN



PPN bergambar bersama pegawai dan kakitangan selepas menanam pokok



PPN bersama TPPN dan PHD



PUSPANITA JPNT



Gambar kenangan bersama PPN dan isteri di pintu masuk Majlis Hari Raya Aidilfitri 2024



Pakaian terbaik Lelaki dImenangi oleh PHDTB

MAJLIS SANJUNGAN BUDI KALUNGAN KASIH TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA TERENGGANU, 14 MEI 2024

Menjadi lumrah kehidupan, setiap pertemuan pastinya akan perpisahan, pegawai pergi silih berganti. Begitulah juga dengan situasi di Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) yang meraikan pertukaran Encik Mohd Syahrir Azrin bin Mohd Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri (TPPN) ke Jabatan Perhutanan Negeri Johor berkuat kuasa 15 Mei 2024 dalam satu Majlis Sanjungan Budi Kalungan Kasih yang diadakan di RAIA Hotel & Convention Centre, Kuala Nerus. Majlis ini diraikan dengan penuh meriah dan bermakna oleh pegawai dan kakitangan JPNT dengan kehadiran isteri dan anak-anak beliau, yang bermula jam 12:30 tengah hari.



Ucapan Perpisahan TPPN

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu yang mengucapkan jutaan terima kasih sepanjang berkhidmat di JPNT. Genap dua tahun Encik Mohd Syahrir Azrin mencurahkan khidmat bakti di JPNT bermula pada 15 Mei 2022. Kenangan suka duka sepanjang tempoh tersebut diabadikan dalam video montaj yang ditayangkan untuk tatapan pegawai dan kakitangan yang hadir ke majlis berkenaan.

Ucapan perpisahan Encik Mohd Syahrir Azrin bin Mohd Salleh mengundang sedikit sebak apabila beliau mengenangkan pelbagai kisah kenangan pahit manis sepanjang dua tahun bertugas di JPNT. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kenang-kenangan oleh PPN, Ketua-ketua Bahagian dan Pegawai-pegawai Hutan Daerah.



Penyampaian Cenderamata kepada TPPN

Majlis diakhiri dengan sesi bersalaman dan bergambar kenang-kenangan bersama TPPN dengan pegawai dan kakitangan JPNT.



Bergambar kenangan



Penyampaian Cenderamata daripada Bahagian Pembangunan



TPPN bergambar kenangan dengan pegawai-pegawai JPNT



Sesi bersalaman dan bermaaafan

LAWATAN AMALI KERJA LAPANGAN PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KE KAWASAN PENGUSAHASILAN HUTAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

BESUT DAN KUALA BERANG, 26 MEI 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) telah menerima kunjungan pelajar-pelajar Bacelor Sains dan Teknologi Kayu (BSTK), Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor. Seramai 20 orang pelajar yang mengikuti Kursus Perolehan Bekalan Hasil Hutan (FHH3301) dan empat pensyarah pengiring yang diketuai oleh Dr. Norzanalia binti Saadun terlibat dengan lawatan amali kerja lapangan ke kawasan pengusahasilan hutan di Negeri Terengganu.

Unit Perancangan dan Pengurusan Hutan, Unit Latihan, JPNT dan Pejabat Hutan Renj. Kuala Terengganu telah diberi tanggungjawab mengiringi para pelajar dan pensyarah ke Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) Sungai Ikan, Setiu. Taklimat ringkas telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Renj. Kuala Terengganu berkaitan aktiviti pengusahasilan di kawasan tersebut. Para Pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan yang diketuai oleh seorang Pengawas Hutan bagi membantu dan memberi peluang kepada para pelajar untuk mengukur sendiri setiap kayu balak serta mencuba secara terus kerja dan proses-proses pengiraan isipadu kayu balak yang dilaksanakan di BPH.

Lawatan amali kerja lapangan ini telah mencapai objektifnya dalam memberikan pendedahan kepada para pelajar secara langsung berkaitan pengukuran isipadu balak sebenar di kawasan matau utama dan proses kutipan hasil kayu balak di BPH.

Dengan kerjasama Malaysia Timber Industry Board (MTIB), para pelajar dan pensyarah meneruskan lawatan ke Kilang Papan PGP Sdn. Bhd. yang terletak di Wakaf Tapai, Kuala Berang bagi mendapatkan pendedahan dan melihat dengan lebih dekat berkaitan kaedah pemeringkatan kayu yang dijalankan di kilang pemprosesan kayu. Lawatan di akhiri dengan penyampaian cenderamata dan bergambar kenangan.



Taklimat Pengukuran Kayu Balak Oleh Pengawas Hutan



Pelajar Ditunjuk Cara Pengukuran Kayu Balak di Matau Utama



Bergambar kenangan dengan para pelajar



Pelajar Mengukur Diameter Kayu Balak



Bergambar Kenangan di KIlang Papan Gagasan Padu Sdn. Bhd



Pelajar Menggunakan Tukul Tanda

PROGRAM IBADAH KORBAN 1445H JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh: Siti Khatijah binti Othman
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA TERENGGANU, 20 JUN 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) dengan kerjasama Persatuan Sukan dan Kebajikan Terengganu (PERSUKAT) telah mengadakan program ibadah korban bersempena meraikan Hari Raya Aidil Adha 1445H yang telah dilaksanakan pada 20 Jun 2024 bersamaan 13 Zulhijjah 1445H. Program ini telah diadakan di Pejabat Hutan Daerah Terengganu Utara (PHDTU) sebagai tuan rumah dengan mengorbankan tiga (3) ekor lembu.

Proses penyembelihan dilaksanakan sepenuhnya oleh kakitangan PHDTU dengan nasihat pakar. Daging yang telah sedia untuk agihan dan sebahagiannya untuk dimasak bagi jamuan makan tengah hari kakitangan bertugas dan pegawai-pegawai yang hadir bagi sama-sama meraikan program ini.

Program tersebut bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan kakitangan JPNT khususnya Pejabat Hutan Daerah Terengganu Utara dan ahli-ahli PERSUKAT disamping meraikan Sunnah dan Syariat Baginda Rasulullah SAW sebagai matlamat utama program diadakan. Program ini juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.

Program berakhir sekitar waktu zohor dan kesemua hadirin turut dijamu dengan jamuan makanan tengah hari dan agihan daging korban.



Kakitangan melapah lembu yang telah disembelih



Memotong daging korban oleh kakitangan



Memotong daging korban



PUSPANITA JPNT

JPN PAHANG

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	15-16 FEBRUARI 2024	PROGRAM LAWATAN PERHUTANAN SOSIAL DAN KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK	25
2	29 FEBRUARI 2024	PROGRAM PENANAMAN POKOK ANJURAN PEJABAT HUTAN DAERAH CAMERON HIGHLANDS DENGAN KERJASAMA BOMBA, JPAM DAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA	26
3	1-3 MAC 2024	JPNP JULANG PIALA KPPSM	27
4	7-8 MAC 2024	SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN MOSSY FOREST CAMERON HIGHLANDS, PAHANG	28
5	28 MEI 2024	JPNP TAWAN PUNCAK RINJANI	29

PROGRAM LAWATAN PERHUTANAN SOSIAL DAN KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Disediakan oleh: Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

JERANTUT, 15 DAN 16 FEBRUARI 2024

Kakitangan Unit Silvikultur Zon Pahang Timur, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah mengadakan lawatan perhutanan sosial ke Perkampungan Orang Asli di Kuala Tahan, Jerantut.

Pada lawatan ini, kakitangan JPNP telah didedahkan dan diperkenalkan dengan budaya dan cara hidup masyarakat orang asli dari suku kaum Bateq yang mendiami kampung tersebut. Mereka juga berkesempatan mempelajari kemahiran menggunakan sumpit yang digunakan untuk memburu dan cara menghasilkan api menggunakan rotan dan kayu meranti.

Semasa lawatan ini juga, sebanyak 20 anak pokok buah spesies Petai dan Kuini serta Buku Mewah (*coffee table book*) Tasik Chini disampaikan kepada Tok Batin iaitu ketua kampung tersebut.

Seterusnya Unit Silvikultur Zon Pahang Timur juga telah melaksanakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bertempat di Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan. Program yang diadakan dengan objektif untuk menghijau dan mengindahkan persekitaran sekolah dengan penanaman pokok telah dijayakan dengan kerjasama dan kehadiran Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta guru-guru sekolah.

Dalam program ini, sejumlah lebih kurang 150 anak pokok Tampoi, Ciku, Kuini, Petai, Asam Gelugor dan Karas telah ditanam dan diserahkan kepada pihak pengurusan sekolah.

Unit Silvikultur Zon Pahang Timur melalui JPNP sangat komited dalam usaha menyokong dan menjayakan agenda Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada mana-mana agensi dan universiti ke arah mencapai matlamat ini.



Penanaman pokok di sekitar kawasan SK Kuala Tahan, Jerantut



Kakitangan JPNP mempelajari kemahiran menggunakan sumpit



Peserta yang menjayakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di SK Kuala Tahan



Penyampaian cenderamata kepada ketua kampung orang asli di Kuala Tahan, Jerantut

PROGRAM PENANAMAN POKOK ANJURAN PEJABAT HUTAN DAERAH CAMERON HIGHLANDS DENGAN KERJASAMA BOMBA, JPAM DAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Disediakan oleh: Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

CAMERON HIGHLANDS, 29 FEBRUARI 2024

Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands dengan kerjasama seramai 35 orang yang terdiri daripada 10 orang anggota Bomba dan Penyelamat, 15 orang anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan 10 orang anggota Angkatan Pertahan Awam Malaysia (APM) telah menyertai Program Penanaman Pokok di Hutan Simpan Mentigi, Daerah Cameron Highlands, Pahang.

Sebanyak 600 pokok dari spesies Merawan siput jantan (*Hopea odorata*) telah ditanam di Kawasan bekas ceroboh seluas kira-kira 0.8 hektar.

Di dalam program ini, peserta telah diberikan taklimat dendrologi pokok spesies Merawan siput jantan dan kaedah untuk menanam pokok dengan betul. Tujuan taklimat ini adalah bagi menyampaikan ilmu perhutanan kepada peserta. Taklimat telah disampaikan oleh Pengawas Hutan Kanan, Encik Asahan bin Hashim.

PHD Cameron Highlands akan meneruskan kerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi dalam melaksanakan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok ini serta mengalu-alukan mana-mana jabatan dan agensi yang ingin melaksanakan program penanaman pokok di Daerah Cameron Highlands.



Taklimat penanaman disampaikan oleh Pengawas Hutan Kanan, Encik Asahan bin Hashim



Para peserta menanam pokok spesies Merawan siput jantan



Sebanyak 600 anak pokok Merawan Siput Jantan berjaya ditanam dalam program ini



Peserta dari APM menanam pokok



Peserta Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang terdiri daripada kakitangan Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands, Bomba dan Penyelamat, ATM dan JPAM

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG JULANG PIALA KPPSM

Disediakan oleh: Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

SERDANG, 1 - 3 MAC 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah berjaya meraih juara edisi pertama pada Kejohanan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) Tahun 2024 yang berlangsung di Stadium Universiti Putra Malaysia, Selangor .

JPNP telah menewaskan pasukan lawan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) dengan gol 4-0 pada peringkat akhir. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan gabungan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan Perlis.

Kejohanan ini disertai oleh sembilan pasukan daripada Jabatan Perhutanan Negeri dan pasukan daripada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Jurulatih JPNP, Syed Farul Hakim Syed Mahmud berkata semangat menebal barisan pemain yang diturunkan menjadi pencetus utama kejayaan yang begitu bermakna buat pasukan JPNP kali ini.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh KPPSM, YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang.



Pasukan bola sepak JPNP



KPPSM, YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang menyampaikan piala juara kepada Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Haji Roslan bin Rani



Perlawanan peringkat akhir antara JPNP dengan JPNT



Pemain JPNP menggelecek bola ketika berdepan dengan pemain JPNT



Pasukan bola sepak JPNP bersama piala dan hadiah kemenangan

SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN MOSSY FOREST CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

Disediakan oleh: Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

CAMERON HIGHLANDS, 7 DAN 8 MAC 2024

Pada 7 dan 8 Mac 2024, JPNP telah menganjurkan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan *Mossy Forest* Cameron Highlands bertempat di Zenith Hotel Cameron Highlands.

Penganjuran seminar ini adalah kesinambungan daripada Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan *Mossy Forest* yang telah dilaksanakan pada 10 hingga 14 Mac 2023 yang lalu. Sebanyak 28 kertas kajian telah dibentangkan oleh para penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Institut Aminuddin Baki yang diketuai oleh Professor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff Mohamad.

Kertas kajian yang dibentangkan pada seminar ini adalah berkisar mengenai kepelbagaian biologi hutan di Taman Eko Rimba *Mossy Forest*; peranan dan fungsi kepada pendidikan, penyelidikan dan ekopelancongan; struktur dan kepelbagaian vegetasi lantai hutan; serta penemuan spesies-spesies unik.

Majlis yang dihadiri oleh kira-kira 250 orang peserta ini telah dirasmikan oleh wakil Setiausaha Kerajaan Pahang iaitu Dato' Ali Syahbana bin Sabaruddin, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pahang.



Ucapan alu-aluan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Haji Roslan bin Rani



Perasmian seminar disempurnakan oleh Dato' Ali Syahbana bin Sabaruddin, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pahang



Pengarah Perhutanan Negeri Pahang bersama sebahagian pembentang kertas kajian



Sesi pembentangan kertas kajian oleh penyelidik



Pembentangan kertas kerja oleh Puan Nurfazliza binti Kamarulbahrin daripada JPNP bertajuk 'Strategi Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bagi Pengiktirafan *Mossy Forest*, Cameron Highlands sebagai *Man and Biosphere* Negeri Pahang'

JPNP TAWAN PUNCAK RINJANI

Disediakan oleh: Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

RAUB , 28 MEI 2024

Empat orang pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah mengharumkan nama JPNP apabila berjaya menawan puncak Gunung Rinjani, Lombok Indonesia (3,726 mdpl) pada 28 Mei 2024.

Pegawai terbabit ialah Shahril bin Mohamad, Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasaan Zon Pahang Barat; Muhamat Azman bin Yahya, Pegawai Hutan Daerah Bentong; Haffiz bin Baharuddin, Pegawai Hutan Daerah Jerantut dan Arifhadi bin Johari Affandi, Pegawai Hutan Daerah Cameron Highlands.

Program ini merupakan susulan daripada ekspedisi pendakian Gunung Kinabalu yang telah diadakan pada 2023 dan bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada peserta terhadap pengurusan aktiviti pendakian, kawasan rekreasi serta pengendalian malim gunung di lokasi berkaitan untuk diamalkan di lokasi pendakian dalam seliaan JPNP.

Sempena ekspedisi berkenaan, pegawai JPNP turut menyerahkan sumbangan berbentuk wang tunai, naskhah Al-Quran dan sejadah kepada mudir Pondok Tahfiz Pesantren Lombok, Ustaz Angga Setiawan sebelum bertolak pulang ke tanah air.

Program ini mendapat sepenuh sokongan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Haji Roslan bin Rani dan warga JPNP sehingga membolehkan ianya dapat direalisasikan dengan jayanya.



Para pegawai JPNP yang berjaya menawan puncak Gunung Rinjani, Indonesia



Penyampaian sumbangan kewangan kepada mudir Pondok Tahfiz Pesantren Lombok, Ustaz Angga Setiawan

JPN PERAK

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	16-17 JANUARI 2024	LAWATAN KERJA YBHG DATO PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK KE PHDLM DAN MERASMIKAN MAJLIS PENGUNDIAN KUP ARANG KAYU (KAK) DAN KUP KAYU JARAS (KKJ) TAHUN 2024, DAERAH LARUT MATANG, TAIPING	30
2	27 JANUARI 2024	LAWATAN KERJA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DAN MELAKA KE PUSAT EKO PELAJARAN HUTAN PAYA LAUT MATANG DAERAH LARUT MATANG, TAIPING	31
3	21-23 FEBRUARI 2024	KURSUS PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN JABATAN [PACUAN EMPAT RODA (4X4)], JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK.	32
4	5 MAC 2024	SESI TAKLIMAT DAN PROGRAM FAMILIARISASI PERSEDIAAN AUDIT PEMATUHAN *TIMBER LEGALITY ASSURANCE SYSTEM* SEMENANJUNG (MyTLAS) TAHUN 2024/2025 NEGERI PERAK	33
5	18 APRIL 2024	PROGRAM *COMMUNICATION EDUCATION AND PUBLIC AWARENESS* (CEPA) PEMULIHARAAN HUTAN PAYA LAUT DAN PENGOPERASIAN HUTAN PAYA LAUT NEGERI PERAK BERSAMA YB DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK, PENJAWAT AWAM DAN PENGUSAHA KAYU ARANG DAN JARAS HUTAN PAYA LAUT DAERAH LARUT MATANG, TAIPING	34
6	25 MEI 2024	*TREE PLANTING PROJECT* KPJ IPOH SPECIALIST HOSPITAL BERSAMA PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA MANJUNG	35

LAWATAN KERJA YBHG DATO PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK KE PHDLM DAN MERASMIKAN MAJLIS PENGUNDIAN KUP ARANG KAYU (KAK) DAN KUP KAYU JARAS (KKJ) TAHUN 2024, DAERAH LARUT MATANG, TAIPING

Disediakan oleh: Khairil bin Sarip
Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang Taiping

KUALA SEPETANG, PERAK, 16 DAN 17 JANUARI 2024

Hutan Paya Laut Matang yang terkenal sebagai Pengurusan Hutan Paya Bakau terunggul di dunia kerana kejayaannya mengekalkan ekosistem dan pengusahasilan secara lestari dari tahun 1903 sehingga kini. Hutan Paya Laut Matang yang mempunyai keluasan keseluruhan lebih kurang 40,300 hektar telah dirancang pengurusannya di bawah rancangan kerja sepuluh tahun untuk mengurus dan membangun Hutan Paya Laut secara sistematik dan mampan. Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang telah mengaturkan satu lawatan kerja YBhg. Dato Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Perak ke Daerah Larut dan Matang seterusnya merasmikan Majlis Pengundian Kup Arang Kayu (KAK) dan Kup Kayu Jaras (KKJ) Tahun 2024 pada 16 dan 17 Januari 2024 yang lalu.

Lawatan ini turut dihadiri YBrs Tuan Timbalan Pengarah Operasi, Encik Azni Rahman bin A. Wahid, Ybrs. Tuan Timbalan Pengarah Pembangunan, Encik Othman bin Deris, Ketua - Ketua Seksyen Pembangunan dan Operasi, Pegawai-pegawai Hutan Daerah dan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang. Lawatan kerja ini dimulakan dengan sesi taklimat ringkas mengenai Hutan Paya Laut Matang, pengusahasilan KAK dan KKJ dan pengoperasian tanur arang oleh Encik Khairil bin Sarip, Pegawai Hutan Daerah Larut Matang, Taiping dan seterusnya aktiviti penanaman pokok spesies Teruntum Putih (*Lumnitzera racemosa*) oleh YBhg. Dato PPN dan YBrs Tuan Timbalan Pengarah Pembangunan, Encik Othman bin Deris bagi menyahut seruan Kempen 100 juta pokok Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk).

Selanjutnya, YBhg. Dato PPN dan delegasi mengadakan lawatan di sekitar kawasan Pusat Eko Pelajaran Kuala Sepetang Matang dan memberikan input-input dan idea penambahbaikan agar kawasan ini dapat dijaga dan diselenggara dengan baik.

Diharapkan sesi lawatan kerja yang ringkas ini dapat memberi pengetahuan dan pengalaman yang berguna kepada semua pegawai dan kakitangan JPNPk memandangkan kawasan ini merupakan antara tarikan utama pelancongan di Negeri Perak amnya dan Daerah Larut an Matang khasnya.



Sesi Taklimat ringkas oleh YBhg. Dato Mohd Basri bin Abdul Manaf, PPN Perak



YBhg. Dato Mohd Basri bin Abdul Manaf, PPN Perak menuju ke aktiviti penanaman pokok spesies Teruntum putih (*Lumnitzera racemosa*)

LAWATAN KERJA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DAN MELAKA KE PUSAT EKO PELAJARAN HUTAN PAYA LAUT MATANG DAERAH LARUT MATANG, TAIPING

Disediakan oleh: Khairil bin Sarip
Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang Taiping

KUALA SEPETANG, 27 JANUARI 2024

Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang telah mengaturkan satu lawatan kerja pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Sembilan dan JPN Melaka pada 27 Januari 2024 yang lalu. Hutan Paya Laut Matang yang terkenal sebagai Pengurusan Hutan Paya Bakau terunggul di dunia kerana kejayaannya mengekalkan ekosistem dan pengusahasilan secara lestari dari tahun 1903 sehingga kini. Hutan Paya Laut Matang yang mempunyai keluasan keseluruhan lebih kurang 40,300 hektar telah dirancang pengurusannya di bawah rancangan kerja sepuluh tahun untuk mengurus dan membangun Hutan Paya Laut secara sistematik dan mampan.

Lawatan kerja ini dimulakan dengan sesi taklimat ringkas mengenai Hutan Paya Laut Matang, pengusahasilan KAK dan KKJ, pengoperasian tanur arang, lawatan di sekitar Pusat Eko Pelajaran Kuala Sepetang Matang oleh Encik Khairil bin Sarip, Pegawai Hutan Daerah Larut Matang, Taiping dan seterusnya aktiviti penanaman pokok Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) dan Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) oleh pegawai dan kakitangan JPN Negeri Sembilan dan JPN Melaka bagi menyahut seruan Kempen 100 juta pokok JPN Perak.



Lawatan kerja pegawai dan kakitangan JPN Negeri Sembilan dan JPN Melaka

Diharapkan sesi lawatan kerja ini dapat memberi pengetahuan dan pengalaman yang berguna kepada semua pegawai dan kakitangan JPN Negeri Sembilan dan JPN Melaka memandangkan kawasan ini merupakan antara tarikan utama pelancongan di Negeri Perak amnya dan Daerah Larut an Matang khasnya.



Sesi Taklimat Berkenaan dengan Pusat Eko Pelajaran Kuala Sepetang



Aktiviti penanaman pokok Bakau minyak *(Rhizophora apiculata*) dan Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*)

PROGRAM *COMMUNICATION EDUCATION AND PUBLIC AWARENESS* (CEPA) PEMULIHARAAN HUTAN PAYA LAUT DAN PENGOPERASIAN HUTAN PAYA LAUT NEGERI PERAK BERSAMA YB DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK, PENJAWAT AWAM DAN PENGUSAHA KAYU ARANG DAN JARAS HUTAN PAYA LAUT DAERAH LARUT MATANG, TAIPING

Disediakan oleh: Khairil bin Sarip
Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang Taiping

KUALA SEPETANG, 18 APRIL 2024

Hutan Paya Laut Matang yang terkenal sebagai Pengurusan Hutan Paya Bakau terunggul di dunia kerana kejayaannya mengekalkan ekosistem dan pengusahasilan secara lestari dari tahun 1903 sehingga kini. Hutan Paya Laut Matang yang mempunyai keluasan keseluruhan lebih kurang 40,300 hektar telah dirancang pengurusannya di bawah rancangan kerja sepuluh tahun untuk mengurus dan membangun Hutan Paya Laut secara sistematik dan mampan.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menganjurkan Program *Communication*, *Education and Public Awareness* (CEPA) Pemuliharaan Hutan Paya Laut dan Pengoperasian Hutan Paya Laut Negeri Perak bersama YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Penjawat Awam dan Pengusaha Kayu Arang dan Jaras Hutan Paya Laut diadakan di Tanah Kerajaan Pulau Gula Daerah Kerian (Cadangan Hutan Simpanan Kekal) pada 18 April 2024 yang lalu.

Program yang turut dihadiri oleh YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Perak, YBhg. Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBrs. Puan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YBhg. Dato' Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak, Tuan Pengarah Perikanan Negeri Perak, Tuan Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama, Tuan Pegawai Daerah Kerian, YDP Majlis Perbandaran Taiping, YDP Majlis Perbandaran Kerian, Ketua Polis Taiping, Ketua Polis Kerian dan ahli Kelab Seri Perak Darul Ridzuan (KESEDAR).

Lawatan dimulakan dengan sesi pelepasan anak ikan Siakap sebanyak 3,330 ekor dan sesi penanaman 500 anak pokok Bakau minyak *(Rhizophora apiculata)* dan Bakau kurap *(Rhizophora mucronata)* seterusnya sesi menyusuri sungai hutan paya bakau dari Kuala Gula ke Kuala Sepetang.

Setibanya lawatan di Pusat Eko Pelajaran Kuala Sepetang Matang Taiping, program diteruskan dengan sesi penerangan mengenai hutan paya bakau melalui *broadwalk* dan pusat interpretasi.



Sesi penanaman 500 anak pokok bakau Minyak *(Rhizophora apiculata)* dan Bakau Kurap *(Rhizophora mucronata)*



Sesi pelepasan anak ikan Siakap



Sesi bergambar kenangan YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bersama peserta

SESI TAKLIMAT DAN PROGRAM FAMILIARISASI PERSEDIAAN AUDIT PEMATUHAN *TIMBER LEGALITY ASSURANCE SYSTEM* SEMENANJUNG (MyTLAS) TAHUN 2024/2025 NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Mohamed
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 5 MAC 2024

Pada 5 Mac 2024, satu Sesi Taklimat dan Program Familiarisasi Persediaan Audit Pematuhan *Timber Legality Assurance System* Semenanjung (MyTLAS) Tahun 2024/2025 Negeri Perak telah diadakan di Dewan Rimbawan, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk). Program ini adalah anjuran Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang telah mengeluarkan satu sistem pengesahan legaliti kayu kayan di Semenanjung yang dikenali sebagai MyTLAS berasaskan kepada enam prinsip dan 24 jadual TLAS. MyTLAS bertujuan untuk memberi pengesahan ke atas status legaliti kayu dan keluaran kayu dari Semenanjung yang dieksport ke pasaran EU dan telah diperluaskan ke semua pasaran antarabangsa bermula 1 Januari 2022.

Sehubungan dengan itu, dalam usaha pengukuhan MyTLAS, sistem ini perlu melalui sesi audit pematuhan bersama semua Agensi Pelaksana (AP-MyTLAS) yang dilaksanakan di 12 buah negeri di Semenanjung bermula Januari 2024 hingga Jun 2025. Perak merupakan salah sebuah negeri yang terlibat. Program ini dihadiri seramai 80 orang yang terdiri daripada kakitangan JPNPk dan Pejabat Hutan Daerah (PHD) yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta wakil dari kilang-kilang yang berdaftar dengan MTIB dan JPNPk. Selesai sesi taklimat, pihak MTIB bersama JPNPk ke Kilang Papan Tan Chee Seng Sdn. Bhd. untuk memberi pendedahan berkaitan Audit Pematuhan *Timber Legality Assurance System* Semenanjung (MyTLAS) yang akan dijalankan.



Sesi taklimat yang disertai oleh JPNPk, MTIB dan wakil-wakil kilang



Selesai lawatan ke kilang

KURSUS PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN JABATAN [PACUAN EMPAT RODA (4X4)], JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Nurul Iezzati binti Mohd Alias
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

SG SIPUT, 21 - 23 FEBRUARI 2024

Kursus Pengurusan Dan Pengendalian Kenderaan Jabatan [Pacuan Empat Roda (4x4)] telah diadakan di Kompleks Latihan Perhutanan Sg Siput (U) pada 21 hingga 23 Febuari 2024 adalah melibatkan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk)dari kalangan Pemandu Kenderaan Hakiki dan Pemandu Kenderaan Gantian. Kursus ini diajar dan dilatih oleh Konsultan Mahir *Black Wind Adventure*.

Kursus ini telah dihadiri seramai 48 orang peserta wakil daripada bahagian dan daerah di JPNPk. Penganjuran kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta pencerahan dengan menyeluruh mengenai pengurusan dan pengendalian kenderaan jabatan iaitu pacuan empat roda (4X4) yang mempunyai khusus tatacara penjagaannya bagi memastikan kenderaan dan kerja hutan dapat dilakukan dengan jayanya.

Kursus ini merupakan kursus rutin dan sememangnya perlu untuk diadakan setiap tahun di JPNPk. Kursus ini juga telah mendapat maklumbalas yang positif dari semua peserta.



Alatan-alatan yang digunakan semasa kursus berlangsung



Sesi bergambar antara peserta dan urusetia

TREE PLANTING PROJECT KPJ IPOH SPECIALIST HOSPITAL BERSAMA PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA MANJUNG

Disediakan oleh: Azqan Dalila binti Ahmad Tajudin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

BATU GAJAH, 25 MEI 2024

Program *Communication, Education and Public Awarness* (CEPA) Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung dengan kerjasama KPJ Ipoh Specialist Hospital bagi Program `*Tree Planting Project'* telah diadakan pada 25 Mei 2024 di Sbhg. Kompt. 99 & 100B Hutan Bukit Simpan Bukit Kinta. Penanaman pokok ini telah ditanam sebanyak 100 anak pokok antaranya adalah 50 anak pokok Meranti temak nipis (*Anthoshorea roxburghii*), 30 anak pokok Merawan jangkang (*Hopea nervosa*) dan 20 anak pokok Merawan siput jantan *(Hopea odorata)* dengan penglibatan peserta dari golongan jururawat dan `*frontliner'* KPJ Ipoh Specialist Hospital.

Program ini adalah bagi merealisasikan Kempen Penghijauan Malaysia iaitu penanaman pokok di samping membudayakan sikap menanam pokok sebagai salah satu cara untuk memulihara kepelbagaian biologi dan meningkatkan kualiti persekitaran semula jadi. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Zabidi Hj Abdul Razak (*Regional Chief Executive Officer*, RCEO) dan turut hadir Encik Badrul Hisyam Ibrahim (*Chief Executive Officer*, CEO) bersama Mdm Mok Wai Yee (*Chief Nursing Officer*, CNO), Encik Kamil Zaki Kamaludin, (*Operation Manager*, OM) dan Puan Azqan Dalila binti Ahmad Tajudin (Pegawai Hutan Daerah Kinta/Manjung).

Jawatankuasa penganjur berbesar hati merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program penanaman pokok ini.



Ucapan oleh Encik Zabidi Hj Abdul Razak (Regional Chief Executive Officer, RCEO)



Sesi bergambar bersama kakitangan yang terlibat dengan penanaman pokok

JPN KELANTAN

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	8 FEBRUARI 2024	LAWATAN YB DATO' KAYA SETIA MENYUSURI SUNGAI SEMERAK, TOK BALI	36
2	27 MEI 2024	PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DI PANTAI MELAWI, BACHOK MELALUI KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK SEMPENA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) RADICARE (M) SDN BHD	37

LAWATAN YB. DATO' KAYA SETIA MENYUSURI SUNGAI SEMERAK, TOK BALI

Disediakan oleh : Akmal Zawani binti Abdul Kadir
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

PASIR PUTEH, 8 FEBRUARI 2024

Satu lawatan kerja Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YB. Dato' Kaya Setia Dato' Haji Nazran bin Muhammad ke Tok Bali, Pasir Puteh bertujuan untuk meninjau tinjauan bagi beberapa projek Pembangunan yang akan dilaksanakan dengan menyusuri sepanjang Sungai Tok Bali. Lawatan beliau turut diiringi oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan, YB Dato' Idham bin Hj Abd. Ghani, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YM Dato' Tuan Zainal Abidin bin Tuan Yusuf, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YABrs. Tuan Hj. Ab. Pattah bin Hasbullah, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Dato' Rosnazli Amin, Ketua Jajahan Pasir Puteh, YBrs. Tuan Haji Ahmad Adlee bin Yasin, pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan wakil-wakil dari Jabatan yang berkaitan.

Semasa lawatan tersebut, pihak Majlis Daerah Pasir Puteh telah memberikan penerangan berkaitan projek-projek yang akan dibangunkan sepanjang Sungai Tok Bali. Selepas sesi penerangan tersebut, program diteruskan dengan sesi penanaman pokok oleh YB Dato' Kaya Setia Bersama dif-dif terhormat terletak di sekitar Jeti Tok Bali tersebut. Spesies pokok yang ditanam adalah pokok Hujan lebat sebagai simbolik lawatan beliau ke Jeti Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan.

Lawatan diakhiri dengan menaiki kenderaan menuju ke Ibu Pejabat Maritim Negeri Kelantan untuk menaiki bot menyusuri sepanjang Sungai Tok Bali.



Sesi Penanaman Pokok oleh YB. Dato' Kaya Setia di tepi Jeti Tok Bali, Pasir Puteh



Bergambar Kenangan Sempena Lawatan Kerja oleh YB Dato' Kaya Setia di tepi Jeti Tok Bali, Pasir Puteh

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DI PANTAI MELAWI, BACHOK MELALUI KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK SEMPENA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) *RADICARE* (M) SDN BHD

Disediakan oleh : Akmal Zawani binti Abdul Kadir
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

BACHOK, 27 MEI 2024

Radicare (M) Sdn Bhd dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok serta Majlis Daerah Bachok telah mengadakan Program Penanaman Pokok Bakau di Pantai Melawi, Bachok, Kelantan Melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Radicare (M) Sdn Bhd.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Zaini bin Hussin, Pengarah JKNK dan turut hadir bersama Yang Amat Berusaha Tuan Haji Shamsul bin Abu Bakar, Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok dan YB Tuan Haji Mohd Pikri bin Muhd Zain, Pengurus Besar Radicare (M) Sdn Bhd Negeri Kelantan selaku penganjur utama program tersebut. Program ini telah melibat seramai lebih kurang 100 orang peserta yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan lain. Sebanyak 1,000 anak pokok Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) telah berjaya ditanam semasa program tersebut.



Sesi Taklimat dan Demonstrasi Teknik Penanaman Pokok Bakau Oleh JPNK



Bergambar Kenangan Bersama Peserta Program CSR Radicare (M) Sdn Bhd

JPN MELAKA

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	JABATAN/UNIT /BAHAGIAN	MUKA SURAT
1	9 MAC 2024	*RAPTOR WATCH* 2024 @ TER TANJUNG TUAN	JPN MELAKA	38
2	21 MAC 2024	SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2024 PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA (JPNM)	JPN MELAKA	39
3	25 MEI 2024	SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024	JPN MELAKA	40
4	9 JUN 2024	PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA TANJUNG TUAN *TRAIL ENDURANCE SERIES* 2024	JPN MELAKA	41
5	22 JUN 2024	PROGRAM PENANAMAN POKOK BEREMBANG DAN BAKAU BAGI AKTIVITI KELIP-KELIP SERTA KEMAMPANAN DI *ECOTOURISM* PAYA LEBAR	JPN MELAKA	42

RAPTOR WATCH 2024 @ TER TANJUNG TUAN

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

TANJUNG TUAN, 9 - 10 MAC 2024

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Melaka bersama *Malaysian Nature Society* (MNS) telah menganjurkan Program Memerhati Burung Pemangsa atau *Raptor Watch* 2024 kali ke-26 bermula 9 hingga 10 Mac 2024 di Taman Eko Rimba, Tanjung Tuan Melaka.

Majlis Perasmian *Raptor Watch* 2024 telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Rosli bin Abdullah, Timbalan EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka merangkap ADUN Kuala Linggi. Majlis turut dihadiri Tuan Khirun Nizam bin Abdul Rahim, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri (PPN) Melaka, Encik Sa'ari bin Basiron, Pengurus Besar, Bahagian Promosi Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri Melaka, Dato Fakhrul Hatta bin Musa Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi) Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia dan Encik Petra bin Sulai, Pengarah Perhilitan Melaka.

Simbolik gimik perasmian adalah pelepasan *flag-off Raptor Race* 2024 yang disempurnakan oleh YB Tuan Haji Rosli bin Abdullah, Timbalan EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka merangkap ADUN Kuala Linggi. Sebagai simbolik *Raptor Watch* 2024, turut ditanam pokok Geronggang derum (*Cratoxylum cochinchinense*).

Terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan seperti *Forest Walks*, *Marine Walks*, *Raptor Race*, Pertandingan Melukis, pameran agensi/jabatan dan juga penanaman sebanyak 200 pokok hutan di sekitar Trek Pantai Keramat.



Simbolik *Raptor Watch* 2024



Temubual pegawai urusetia bersama peserta



Gambar kenangan YB Tuan Haji Rosli bin Abdullah, Timbalan EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka bersama PPN Melaka, pegawai dan kakitangan jabatan



Sesi memerhati burung di Rumah Api tanjung Tuan

SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2024 PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

AYER KEROH, 21 MAC 2024

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2024 pada 21 Mac 2024 bertemakan "Hutan dan Inovasi: Ke Arah Solusi Yang Lebih Baik (*Forests and Innovation: New solutions for a better world*)" di Jabatan Perhutanan Negeri Melaka.

Sempena sambutan HHA 2024 ini, aktiviti penanaman pokok secara serentak telah dijalankan di Pejabat Perhutanan Negeri Melaka dan pejabat-pejabat Hutan Daerah di negeri Melaka.

Antara pokok yang ditanam termasuklah pokok spesies Merbau (*Intsia palembanica*), pokok spesies Penaga lilin (*Mesua ferrea*) dan pokok spesies Kemuning (*Murraya* sp.)



Penanaman pokok Penaga lilin di pejabat Perhutanan Negeri Melaka



Penanaman pokok oleh PHD Melaka Tengah



Penanaman pokok oleh PHD Alor Gajah



Penanaman pokok oleh PUSPANITA JPN Melaka



Penanaman pokok oleh PHD Jasin

SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

AYER KEROH, 25 DAN 26 MEI 2024

Sambutan Hari Belia Negara (HBN) peringkat kebangsaan Tahun 2024 yang diadakan di Dataran Pahlawan, Melaka. Majlis sambutan HBN ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Melaka telah menyertai pameran yang berlangsung dari 24 - 26 Mei 2024. Bersempena HBN juga pihak Jabatan telah menyumbang 300 pokok nadir kepada Jabatan Belia untuk diagihkan kepada orang ramai. Sempena sambutan HBN 2024 ini juga, JPN Melaka telah dijemput untuk menyampaikan "*Forest Talk*" kepada pengunjung. Antara pengisian "*Forest Talk*" ini termasuklah tatacara pengecaman pokok hutan, kemandirian hutan, tumbuhan herba dan program Penghijauan Malaysia.



Forest Talk oleh JPN Melaka



Pengagihan pokok kepada pengunjung



Pengunjung khemah pameran JPN Melaka



Pengunjung khemah pameran JPN Melaka



Pengunjung khemah pameran JPN Melaka

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA TANJUNG TUAN *TRAIL ENDURANCE SERIES* 2024

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

TANJUNG TUAN, 8 DAN 9 JUN 2024

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Melaka dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka, Jabatan Perhilitan Melaka dan Villea Hotel telah menganjurkan Program Penghijauan Malaysia: *A Tree For Future* sempena Program *Trail Endurance Series*: Tanjung Tuan telah berlangsung selama dua (2) hari pada 8 dan 9 Jun 2024 bertempat di Taman Eko Rimba Tanjung Tuan.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Khairul Adri bin Dato' Rosli, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka. Turut hadir Encik Khirun Nizam bin Abdul Rahim, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka, Encik Petra bin Sulai, Pengarah Perhilitan Melaka dan Pengurus Villea Hotel.

Sebanyak tujuh (7) pokok spesies Melaka (*Phyllanthus emblica*) dan 50 pokok spesies Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) telah ditanam semasa program tersebut.



JPN Melaka, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka, Jabatan Perhilitan Negeri Melaka



Gambar kenangan bersama peserta



Taklimat oleh Pengarah Perhutanan Negeri Melaka



Aktiviti menanam pokok bakau minyak



Peserta menanam pokok bakau

PROGRAM PENANAMAN POKOK BEREMBANG DAN BAKAU BAGI AKTIVITI KELIP-KELIP SERTA KEMAMPANAN DI *ECOTOURISM* PAYA LEBAR

Disediakan oleh: Nur Shifatil Ulya binti Sidek Omar
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

PAYA LEBAR, 22 JUN 2024

Program Penanaman Pokok Berembang dan Bakau Bagi Aktiviti Kelip-kelip Serta Kemampanan di *Ecotourism* Paya Lebar. Program ini berlangsung dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Pejabat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia Negeri Melaka (MOTAC), Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Negeri Melaka, Tenaga Nasional Berhad dan Maxeon Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd. serta penglibatan pelajar daripada MiCoST, UTeM dan IPG Melaka.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Hameed bin M.K Basheer, EXCO Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam Dan Pengangkutan Negeri Melaka merangkap ADUN Ayer Limau. Hadir sama, Ketua WHIP Clr. Ghafar bin Ngah; Ahli Majlis Kawasan DUN Ayer Limau, Ketua-ketua dan Pegawai Jabatan / Unit serta Pegawai Perhubungan DUN.

Sebanyak 105 pokok telah ditanam termasuklah pokok Merbau ipil *(Intsia bijuga)*, pokok Berembang *(Sonneratia caseolaris)*, pokok Keruing neram *(Dipterocarpus oblongifolius)*, pokok Balau sengkawang ayer *(Shorea sumatrana)* dan pokok Bakau minyak *(Rhizophora apiculata)*.



Aktiviti penanaman pokok berembang (*Sonneratia caseolaris*)



Gambar kenangan bersama peserta



Aktiviti penanaman pokok



Aktiviti penanaman pokok oleh peserta



Taklimat aktiviti penanaman oleh Penolong Pengarah (Taman Negeri)

JPN PULAU PINANG

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	2 MAC 2024	PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT OLEH *BENCHMARK ELECTRONICS* DI TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR, PULAU PINANG	43
2	2 MAC 2024	PROGRAM HARI HIDUPAN LIAR SEDUNIA *(WORLD WILDLIFE DAY)* TAMAN NEGARA PULAU PINANG	44
3	22 APRIL 2024	PROGRAM PENANAMAN SATU JUTA POKOK DI PULAU PINANG DALAM SEHARI SEMPENA HARI BUMI PADA 22 APRIL 2024	45
4	22 MEI 2024	PROGRAM KEMBARA HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM PESERTA KAYUHAN JELAJAH PERPADUAN PADA 22 MEI 2024 DI HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	46

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT OLEH BENCHMARK ELECTRONICS DI TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR, PULAU PINANG

Disediakan oleh: Mohamad Amirul Hafiz bin Md Sobri
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

BUKIT PANCHOR, 2 MAC 2024

Benchmark Electronics telah menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pada 2 Mac 2024 yang bertempat di Taman Negeri Bukit Panchor, Pulau Pinang. Program CSR ini juga merupakan hasil kerjasama bersama Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Pulau Pinang melalui Pejabat Hutan Daerah Seberang Perai Selatan yang telah menyumbangkan sebanyak 20 anak pokok spesies Merbau *(Intsia palembanica)* bagi menjayakan program ini.

Antara pengisian program ini adalah aktiviti senaman pagi, *jungle trekking* di sekitar Taman Negeri Bukit Panchor serta aktiviti penanaman pokok oleh kakitangan Benchmark Electronics.

Sebagai penghargaan pihak Benchmark Electronics telah menyumbangkan sebanyak 12 buah kerusi batu bagi kegunaan rekreasi di Taman Negeri Bukit Panchor. Pihak penganjur juga menyasarkan untuk meneruskan kerjasama dan program tanggungjawab sosial korporat ini bersama pihak jabatan di masa hadapan.



Sesi Pengenalan Bersama Kakitangan Staf JPN Pulau Pinang dan Benchmark Electronics



Aktiviti Penanaman pokok Karas oleh Ketua Bahagian Benchmark Electronics sebagai simbolik Perasmian Aktiviti CSR

PROGRAM HARI HIDUPAN LIAR SEDUNIA *(WORLD WILDLIFE DAY)* TAMAN NEGARA PULAU PINANG

Disediakan oleh: Mohamad Amirul Hafiz bin Md Sobri
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

TELOK BAHANG, 2 MAC 2024

Satu Program Bersama Komuniti Setempat Taman Negara Pulau Pinang sempena Hari Hidupan Liar Sedunia (*World Wildlife Day*) telah diadakan pada 2 Mac 2024 bertempat di Taman Negara Pulau Pinang.

Antara pengisian program ini adalah pameran oleh agensi dan komuniti setempat, pertandingan fesyen kanak-kanak serta kuiz, permainan dan demo. Bagi memeriahkan program ini Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah membuka reruai mengenai jabatan dan Program Penghijauan Malaysia - Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 serta menyumbangkan sebanyak 50 anak pokok pelbagai spesies kepada hadirin yang hadir.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Fakhrul Hatta bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi). Beliau juga mengambil kesempatan untuk melawat ke pameran-pameran yang disediakan.



Sesi perasmian Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi)



Sesi bergambar Bersama Dato' Fakhrul Hatta bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi)



Pertandingan Fesyen Kanak-kanak



Gambar kenangan bersama peserta

Pertandingan Dam Ular

PROGRAM PENANAMAN SATU JUTA POKOK DI PULAU PINANG DALAM SEHARI SEMPENA HARI BUMI

Disediakan oleh: Sanja a/p Boon Kong
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

GEORGE TOWN, 22 APRIL 2024

Program Penanaman Satu Juta Pokok sempena Sambutan Hari Bumi 2024 merupakan program Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diilhamkan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang untuk dilaksanakan sempena Sambutan Hari Bumi pada 22 April 2024. Program ini sekaligus mensasarkan pengiktirafan oleh Malaysia *Book of Records* untuk Penanaman Satu Juta Pokok di Pulau Pinang dalam Sehari.

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Institut Penyelidikan Malaysia (FRIM), Silicon Island Development (SID) dan Jabil Malaysia telah mengadakan program penanaman sebanyak 200,000 anak pokok Api-api (*Avicennia spp*) di Hutan Simpan Kekal (HSK) Pasir Gebu, Teluk Malas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan penanaman 20,000 anak pokok Bakau di Hutan Simpan Balik Pulau, Pantai Malindo, Balik Pulau, Pulau Pinang. Program ini menunjukkan bahawa pihak jabatan amat komited dalam menjayakan Program Penanaman Satu Juta Pokok Negeri Pulau Pinang. Program ini turut melibatkan penyertaan seramai 650 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan, Swasta, Badan Bukan Kerajaan serta komuniti setempat.



Program Menanam Satu Juta Pokok Di Pulau Pinang Sempna Hari Bumi



Sesi bergambar bersama sebahagian daripada peserta program dl HSK Pasir Gebu, Teluk Malas



Peserta program di HSK Balik Pulau, Pantai Malindo



Penyerahan Sijil oleh TYT Pulau Pinang kepada Pengarah Perhutanan Negeri



Sijil Penghargaan Karbon

PROGRAM KEMBARA HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM PESERTA JELAJAH PERPADUAN KAYUHAN HIJAU PADA 22 MEI 2024 DI HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

Disediakan oleh: Sanja a/p Boon Kong
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

SEBERANG PERAI UTARA, 22 MEI 2024

Program Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau anjuran Kerajaan Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Perlis , Kementerian Perpaduan dan Pertubuhan Nadi Sihat telah diadakan pada 14 - 24 Mei 2024 bermula di Tanjung Piai, Johor hingga ke Kangar sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2024.

JPN Pulau Pinang telah menganjurkan Program Kembara Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam Peserta Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau pada 22 Mei 2024 bertempat di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Program ini merupakan salah satu pengisian Program Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau yang meliputi aktiviti Kembara Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam dan Program Penanaman 20 anak pokok Sentul *(Sandoricum koetjape)* oleh semua peserta program. Program ini turut melibatkan penyertaan seramai 60 orang peserta daripada JPN Pulau Pinang, Kayuhan Perpaduan, Kerajaan Negeri Perlis, JPN Perlis, Pertubuhan Nadi Sihat dan urusetia program.



Gambar Kenangan Bersama Peserta Program Kayuhan



Gambar kenangan bersama peserta selepas sesi penanaman pokok



Persiapan program



Peserta kayuhan



Lokasi program diadakan



Sesi Penanaman pokok Sentul oleh para peserta

JPN PERLIS

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	14-24 MEI 2024	PROGRAM JELAJAH PERPADUAN KAYUHAN HIJAU	47
2	24 MEI 2024	PERASMIAN TAPAK NAKAWAN GLAMPING DI SEKITAR KOMPLEKS EKOPELANCONGAN SUNGAI BATU PAHAT DAN PROGRAM KAYUHAN MAIPS PEDULI SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2024	48
3	25 MEI 2024	RANGKUMAN AKTIVITI SEPANJANG PROGRAM *NAKAWAN RAINFOREST FESTIVAL* 2024	49
4	25 MEI 2024	MALAM *NAKAWAN RAINFOREST* FESTIVAL BERSAMA PESERTA *DEUTER CAMP & HIKE*	50
5	26 MEI 2024	MAJLIS PERASMIAN NAKAWAN RAINFOREST FESTIVAL SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2024 DAN BERSEMPENA HARI KEPUTERAAN DYMM TUANKU RAJA PERLIS KE-81	51

PROGRAM JELAJAH PERPADUAN KAYUHAN HIJAU

Disediakan oleh: Fadhilah binti Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 14-24 MEI 2024

Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Perlis bersama Pertubuhan Nadi Sihat dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Perlis, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan JPN Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah telah berjaya menganjurkan Program Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau.

Siri Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau ini telah berlangsung pada 14 hingga 24 Mei 2024 yang bermula di Tanjung Piai, Pontian, Johor hingga ke 0 KM Kangar, Perlis sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024 dalam tempoh Sambutan Ulang Tahun Keputeraan DYMM Raja Perlis Ke-81.

Setiap lokasi persinggahan diwarnai dengan penganjuran program-program yang selari dengan teras pelaksanaan program iaitu mempromosikan Kempen Penghijauan Malaysia dengan aktiviti penanaman pokok oleh peserta Kayuhan Hijau dan para sukarelawan di hentian kayuhan di setiap negeri yang dilalui, mempromosikan Tahun Melawat Perlis (TMPs) 2024-2025 dengan aktiviti edaran risalah dan promosi lokasi tarikan pelancong, pakej-pakej pelancongan dan kalendar acara TMPs 2024-2025, mempromosikan program-program bercorak memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional dengan mengadakan aktiviti bersifat perpaduan yang melibatkan Kelab Rukun Tetangga (KRT) dan Tadika Perpaduan di beberapa hentian terpilih dan akhir sekali untuk mempromosikan dan menyemai gaya hidup sihat melalui aktiviti kayuhan ke arah melahirkan bangsa Malaysia yang sihat dan cergas.



Aktiviti Tanaman Pokok Bakau oleh Tetamu VIP di Tanjung Piai, Johor



Pertandingan Mewarna Tabika Perpaduan bersama keluarga di Kangar Street Art, Perlis



Aktiviti Tanaman Pokok oleh Peserta Kayuhan di Perak bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Aktiviti Tanaman Pokok oleh Peserta Kayuhan di Melaka bersama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Aktiviti Promosi Penghijauan Malaysia di Negeri Sembilan bersama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PERASMIAN TAPAK *NAKAWAN GLAMPING* DI SEKITAR KOMPLEKS EKOPELANCONGAN SUNGAI BATU PAHAT DAN PROGRAM KAYUHAN MAIPS PEDULI SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2024

Disediakan oleh: Fadhilah binti Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 24 MEI 2024

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail telah berkenan berangkat ke Program Kayuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Peduli sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024.

Siri Kayuhan MAIPs Peduli pada kali ini turut disertai oleh peserta dari Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau selain daripada Team Tayar Golek (TTG) Negeri Perlis sendiri. Pelepasan kayuhan ini bermula di Dewan Serbaguna Bukit Ayer, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis menuju ke Taman Eko Rimba Bukit Ayer dimana DYMM telah berkenan untuk singgah ke tapak Nakawan Glamping di Taman Eko Rimba Bukit Ayer dan menyempurnakan perasmian tapak Nakawan Glamping tersebut. DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis juga telah berkenan untuk menyempurnakan simbolik penanaman pokok daripada spesies Kelat paya (*Syzgium campanulatum*) sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024 di tapak Nakawan Glamping tersebut.

DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis juga sempat beramah mesra menyantuni peserta Deuter Camp & Hike bertempat di Nakawan Basecamp yang mula menjalankan aktiviti perkhemahan pada hari tersebut sempena Program Nakawan Rainforest Festival 2024. Konvoi kayuhan seterusnya ke rumah asnaf di sekitar kawasan Kg. Abi dan telah berkenan untuk mengurniakan sumbangan kepada tiga orang asnaf yang telah terpilih. Di akhir kayuhan, konvoi kayuhan telah singgah di Taman Ular dan Reptilia di Sungai Batu Pahat sebelum mengakhiri kayuhan di Dewan Serbaguna Bukit Ayer.

Turut hadir bersama dalam program ini adalah YB Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali, Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis, YBrs. Dr. Noriman bin Rojulai, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pembangunan), YBrs. Tuan Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis, YBhg. Tuan Hj. Najmuddin bin Abdul Karim, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Perlis (JAIPs), YBhg. Tuan Hj. Mohd. Nazim bin Mohd. Noor, CEO MAIPs, peserta siri Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau dan wakil-wakil Jabatan yang terlibat.



DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis mendengar penerangan dari Tuan PPN Perlis sebelum menyempurnakan tanaman



Perasmian Tapak Nakawan Glamping oleh DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis



DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis bersama Peserta *Deuter Camp & Hike* sempena Program *Nakawan Rainforest* Festival 2024



Penanaman Pokok oleh Peserta Kayuhan MAIPs Peduli

RANGKUMAN AKTIVITI SEPANJANG PROGRAM NAKAWAN *RAINFOREST FESTIVAL* 2024

Disediakan oleh: Fadhilah binti Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 25 MEI 2024

Pelbagai aktiviti dan pertandingan telah berlangsung sepanjang Program Nakawan *Rainforest Festival* pada hari ini dengan kerjasama padu dari pelbagai agensi dan NGO. Tujuan penganjuran program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai hubungan sumber hutan dalam kehidupan kita selain dari memberikan kesedaran kepada orang awam terutamanya pelajar mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti serta mempromosikan kawasan ekopelancongan di negeri Perlis terutamanya di sekitar kawasan Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat ini.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah Jom Kenali dan Sayangi Hutan Kita yang telah dikendalikan secara bersama di antara Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Perlis, Jabatan PERHILITAN Negeri Perlis dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dengan penglibatan peserta daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan sekolah-sekolah menengah dan rendah di negeri Perlis yang terpilih. Antara pengisian yang dilaksanakan ialah ceramah mengenai Hutan Kita, Kenali Herba Hutan, Semaian Anak Pokok, Hutan dan Seni Budaya serta Permainan Alam.

Turut berlangsung juga ialah aktiviti *Geo-community Programme - Free Biogeotrail Tour* di Rimba Herba Perlis dan sekitar Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis yang telah dikelola oleh Perlis *Nature Xplorer* (PNX), aktiviti pendakian di beberapa lokasi terpilih iaitu di Pintu Wang Gunung dan Bukit Jernih serta aktiviti *flying fox* oleh peserta *Deuter Camp & Hike* selain dari Bengkel Alat Muzik Tradisional dan Kraftangan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Negeri Perlis serta pameran oleh agensi dan NGO.

Pelbagai pertandingan juga turut dilaksanakan bagi menarik orang ramai untuk datang berkunjung ke Kompleks ini seperti Pertandingan Mewarna Keluarga, Gubahan Bunga, Dekorasi Kek dan Sukaneka Keluarga.

Majlis penyampaian hadiah bagi aktiviti telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perancangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan diiringi YBrs. Encik S. Siva Kumar, Setiausaha Bahagian (Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan YBrs. Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis.



Taklimat Aktiviti *Geo-Community Programme* oleh En Syamil Abd. Rahman, Presiden Persatuan PNX



Tetamu VIP mengunjungi *Booth* Pameran di Dewan Serbaguna Bukit Ayer



Tetamu VIP bersama Pempamer dari Jabatan PERHILITAN Negeri Perlis



Tetamu VIP bersama Menyampaikan Sijil kepada Peserta

MALAM NAKAWAN *RAINFOREST FESTIVAL* BERSAMA PESERTA *DEUTER CAMP & HIKE*

Disediakan oleh: Fadhilah binti Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 25 MEI 2024

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis bersama Tokabah *Outdoor Venture* selaku penganjur *Deuter Camp & Hike* telah menganjurkan malam Nakawan *Rainforest Festival* bertempat di Nakawan *Basecamp*, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.


Majlis pada malam ini turut dihadiri oleh YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Perlis, YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), YBrs. Encik S. Siva Kumar, Setiausaha Bahagian (Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YBrs. Dr. Puteh Soraya binti A. Rahman, Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis dan YBrs. Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis.

YBhg. KSU NRES juga telah merasmikan buku Perlis Hiking Passport yang julung-julung kali diperkenalkan di JPSM yang bertujuan untuk menggalakkan dan mempromosikan aktiviti pendakian di dalam negeri Perlis khasnya terutamanya di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sambil menikmati keindahan pemandangan yang indah dan keunikan bentuk muka bumi di negeri Perlis.

Antara pengisian aktiviti pada malam ini adalah nyanyian lagu-lagu puisi menggunakan alatan muzik tradisional yang diperbuat dari hasil hutan oleh artis jemputan iaitu Encik Amin Arawi, penyampaian buku Perlis *Hiking* Passport kepada para peserta dan aktiviti BBQ. YAB Menteri Besar Perlis dan tetamu undangan turut sama menyantuni peserta-peserta *Deuter Camp & Hike* yang hadir dari pelbagai negeri.



Peserta *Deuter Camp & Hike* di Nakawan Basecamp, Kompleks Ekopelancongan Sg. Batu Pahat, Perlis



Buku Perlis Hiking Passport yang diperkenalkan kepada peminat aktiviti pendakian di negeri Perlis



YAB MB Perlis dan tetamu undangan menyantuni peserta *Deuter Camp & Hike* di Nakawan Basecamp, Kompleks Ekopelancongan Sg. Batu Pahat, Perlis

MAJLIS PERASMIAN NAKAWAN *RAINFOREST FESTIVAL* SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2024 DAN BERSEMPENA HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU RAJA PERLIS KE-81

Disediakan oleh: Fadhilah binti Mohamad
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

KANGAR, 26 MEI 2024

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail hari ini telah berkenan untuk mencemar duli bagi merasmikan Nakawan *Rainforest Festival* sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024 dan bersempena Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis Ke-81 bertempat di Dataran Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.

DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis juga berkenan untuk melancarkan buku terbaru keluaran Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dan Kerajaan Negeri Perlis dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Buku Mewah Orchids of Perlis: *The Matchless Gems of Perlis State Park*. Selain daripada itu, bertepatan dengan Program Nakawan *Rainforest Festival*, JPNPs dengan kerjasama Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Perlis telah berjaya menghasilkan persembahan khas kebudayaan bertemakan konsep Nakawan *Rainforest Festival*.

Majlis ini turut disempurnakan dengan penanaman pokok dari spesies Merbau (*Instia palembanica*) sebagai simbolik oleh DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis yang mana pokok Merbau ini merupakan pokok kebangsaan Malaysia yang menjadi lambang keutuhan integriti hutan negara yang terhasil daripada pengurusan hutan secara mampan serta usaha pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah biodiversiti Malaysia. Pokok yang ditanam oleh DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis ini juga adalah merupakan pokok yang ke 1 juta di tanam di negeri Perlis bersempena dengan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan menandakan negeri Perlis telah berjaya mencapai sasaran penanaman 1 juta pokok pada tahun keempat.

Majlis Perasmian ini turut dihadiri oleh Menteri Besar Perlis, YAB. Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis, YB Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali, Pegawai Kewangan Negeri Perlis, YB. Tuan Hj. Zepri bin Saad, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis, YBrs. Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, barisan Ahli Parlimen Negeri Perlis dan barisan Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis serta Ketua-Ketua Jabatan dan wakil.



Titah Perasmian Majlis oleh DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis



Pelancaran Buku Mewah *Orchids* of Perlis: *The Matchless Gems of* Perlis *State Park* oleh DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis



Penanaman Pokok ke Sejuta di Negeri Perlis oleh DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis



DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis Berkenan untuk bergambar kenangan bersama hadirin yang hadir

JP WILAYAH

PERSEKUTUAN

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN

SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	3 MAC 2024	PROGRAM *COMMUNICATION, EDUCATION, PARTICIPATION & AWARENESS* (CEPA) BERSAMA WAKIL- WAKIL BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DAN PENDUDUK KAMPUNG SEKITAR KINA BENUWA, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	52
2	5 MAC 2024	PROGRAM CEPA BERSAMA KOMUNITI DALAM LAWATAN KERJA YB NIK NAZMI NIK AHMAD MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM KE WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	53
3	19 MEI 2024	LAWATAN YB MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTERIAN ALAM (NRES) KE TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR (TERKL)	54

PROGRAM *COMMUNICATION, EDUCATION, PARTICIPATION & AWARENESS* (CEPA) BERSAMA WAKIL- WAKIL BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DAN PENDUDUK KAMPUNG SEKITAR KINA BENUWA, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

LABUAN, 3 MAC 2024

Satu Program *Communication*, *Education*, *Participation & Awareness* (CEPA) telah diadakan bersama wakil-wakil badan bukan kerajaaan (NGO) dan penduduk kampung sekitar Kina Benuwa, Wilayah Persekutuan Labuan.

Beberapa pengisian program telah diadakan seperti taklimat kesedaran kepada peserta berkaitan pewartaan Hutan Simpan Kina Benuwa dan perundangan berkaitan. Perkongsian perancangan dan aktiviti program yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan di Hutan Simpan (HS) Kina Benuwa serta perkongsian ilmu berkaitan program Penghijauan Malaysia. Tinjauan lapangan turut diadakan bersama NGO dan wakil penduduk ke lokasi HS Kina Benuwa.

Turut hadir dalam program ini ialah Timbalan Pengarah Perhutanan (Labuan), Encik Suhaidi bin Sinin, Penolong Pengarah Perhutanan, Encik Firdaus bin Mohd Rajis, wakil Labuan *Society*, Persatuan Kedayan Labuan, Persatuan Dayak Labuan dan wakil Kadazan Dusun *Caltural Association* Labuan (KDCA).



Taklimat berkenaan perundangan berkaitan



Gambar kenangan sebelum menaiki bot



Para peserta menaiki bot



Gambar para peserta dan NGO yang menyertai program

PROGRAM CEPA BERSAMA KOMUNITI DALAM LAWATAN KERJA YB NIK NAZMI NIK AHMAD MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM KE WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

LABUAN, 5 MAC 2024

Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Program CEPA bersama komuniti setempat melibatkan NGO aktif Alam Sekitar sempena lawatan kerja YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ke Wilayah Persekutuan Labuan yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan kerjasama strategik Jabatan dan warga Labuan.

YB Menteri juga berkesempatan membuat tinjauan melalui bot di kawasan Hutan Simpan (HS) Kina Benuwa yang menjadi Hutan Simpanan Kekal (HSK) pertama yang diwartakan di Wilayah Persekutuan Labuan pada Julai 2023 lalu dengan keluasan 68.281 hektar. Acara pemasangan papan tanda HSK juga telah disempurnakan oleh YB Menteri.

Hadir sama, Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan.



Perkongsian maklumat oleh YB Menteri Nik Nazmi Nik Ahmad mengenai kelestarian alam kepada warga Labuan



Acara pemasangan papan tanda HSK yang disempurnakan oleh YB Menteri Nik Nazmi bin Nik Ahmad



YB Menteri Nik Nazmi bin Nik Ahmad menyampaikan ucapan



Dif-dif jemputan berkesempatan menarik perangkap ketam



Menaiki bot bersama YB Menteri Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha, Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, En. Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Perskutuan

LAWATAN YB MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTERIAN ALAM (NRES) KE TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

KUALA LUMPUR, 19 MEI 2024

Menteri Sumber Asli Dan Kelesterian Alam (NRES), YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad telah membuat satu lawatan ke Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) di Bukit Nenas selepas tamat acara larian sejauh 4KM di dalam program Visit Perlis dan *Green Fun Ride & Run* Serta Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis dan Pertubuhan Nadi Sihat sempena Hari Hutan Antarabangsa tahun 2024.

Beliau berkata selain mempunyai sejarah tersendiri, keunikan TER KL yang berada di lokasi yang strategik berpontensi untuk dibangun dan dipromosikan bagi menarik lagi minat dan tarikan pelancong asing untuk merasai pengalaman hebat kerana tidak banyak bandar raya di dunia yang mempunyai Hutan Rimba di tengah-tengah kota raya dengan arus kemodenan dan teknologi semasa.

Pada kesempatan ini, YB Menteri NRES telah melawat galeri dan menanam anak pokok Rambai hutan (*Baccaurea polynuera*) di perkarangan TER KL. Encik Mohd. Yussainy bin Md. Yusop, Pengarah Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri, turut memberi perkongsian tentang pengurusan pokok bahaya dan menunjukkan demonstrasi teknik pemangkasan dahan pokok bahaya kepada YB Menteri NRES. Selain daripada itu, Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan, turut mengiringi YB Menteri NRES ke titian kanopi di TER KL serta menyampaikan taklimat tentang pengurusan kawasan ekopelancongan tersebut.

Turut hadir bersama dalam program ini adalah YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal), Encik Ag Shaffie bin Ag Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis dan Puan Azlina binti Aziz, Pengerusi Pertubuhan Nadi Sihat.



YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad bersama peserta larian



Pelepasan peserta berbasikal oleh YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad



YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad bersama Dato' HJ. Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan), Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi dan Teknikal) dan bersama Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri dan kakitangan lain



Gambar kenangan bersama YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad di pintu depan Taman EkoRimba Kuala Lumpur

BAHAGIAN PENGURUSAN HUTAN

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	26-29 FEBRUARI 2024	KURSUS PENILAIAN KUANTIFIKASI DAN PEMANTAUAN KUALITI AIR SUNGAI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	55
2	5 - 6 MAC 2024	MESYUARAT VERIFIKASI KAWASAN BERHUTAN NEGERI PERLIS TAHUN 2024	56
3	6 MEI 2024	MAJLIS MAKAN MALAM APRESIASI RIMBAWAN: JASAMU DIKENANG SEMPENA PERSARAAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE-25	57
4	13-16 MEI 2024	SESI VERIFIKASI KAWASAN BERHUTAN NEGERI KEDAH TAHUN 2024	58

KURSUS PENILAIAN KUANTIFIKASI DAN PEMANTAUAN KUALITI AIR SUNGAI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Azuan bin Mohd Sukri
Bahagian Pengurusan Hutan

SEREMBAN, 26 - 29 FEBRUARI 2024

Seksyen Pemeliharaan Hutan Tadahan Air, Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Kursus Penilaian Kuantifikasi dan Pemantauan Kualiti Air Sungai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 26 hingga 29 Februari 2024 di Hotel Seri Malaysia, Negeri Sembilan. Kursus ini telah dirasmikan oleh wakil rasmi Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan iaitu Encik Aldrich Richard, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Hutan.

Objektif kursus adalah untuk memberi pendedahan berkaitan kaedah penilaian kuantifikasi dan pemantauan kualiti air khususnya untuk air sungai dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) kepada pegawai IPJPSM, Jabatan Perhutanan Negeri dan agensi Kerajaan serta masyarakat. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan perlindungan kawasan tadahan air. Penyertaan peserta adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada agensi Kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Latihan amali dilaksanakan di Hutan Lipur Jeram Toi, Hutan Simpan Berembun, Negeri Sembilan dengan mempraktikkan kaedah pengukuran dan cerapan data, pengukuran luahan dan kualiti air sungai. Di akhir kursus, pengetahuan dan kemahiran peserta dalam mengurus dan membangunkan sumber hutan secara efektif khususnya berkaitan penilaian kuantifikasi dan pemantauan kualiti air sungai dalam kawasan HSK adalah menunjukkan peningkatan.



Sesi bergambar peserta kursus dan penceramah bersama Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Hutan



Sesi pembelajaran secara teori yang disampaikan oleh penceramah kursus



Peserta kursus sedang mengukur luahan sungai



Sesi pembentangan oleh peserta kursus

MESYUARAT VERIFIKASI KAWASAN BERHUTAN NEGERI PERLIS TAHUN 2024

Disediakan oleh: Azuan bin Mohd Sukri
Bahagian Pengurusan Hutan

SG. BATU PAHAT, 5 DAN 6 MAC 2024

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Perlis telah melaksanakan Mesyuarat Verifikasi Kawasan Berhutan Negeri Perlis Tahun 2024 di Dewan Serbaguna Bukit Ayer, Kompleks ekopelancongan, Sg. Batu Pahat, Perlis.

Mesyuarat ini merupakan salah satu platform jabatan dalam mengemaskini maklumat sumber hutan yang terkini di Negeri Perlis. Mesyuarat melibatkan pelbagai agensi dan jabatan antaranya Pejabat Tanah & Galian (PTG) Negeri Perlis , Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) Perlis , Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Hadir merasmikan mesyuarat adalah YBrs. Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadi, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis.



Ahli Mesyuarat



Ucapan Perasmian oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perlis

MAJLIS MAKAN MALAM APRESIASI RIMBAWAN: JASAMU DIKENANG SEMPENA PERSARAAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE-25

Disediakan oleh: Nor Hidayu binti Abdul Razak
Bahagian Pengurusan Hutan

KUALA LUMPUR, 6 MEI 2024

Pada 7 Mei 2024, genaplah 35 tahun perkhidmatan mantan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Beliau memulakan kerjayanya pada 1 Mac 1989 sebagai Penolong Pemelihara Hutan Gred B3 di Ibu Pejabat JPSM, di mana beliau ditempatkan sebagai Penolong Pengarah Projek-projek Khas. Sepanjang perjalanan kariernya, YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang telah mengukir kejayaan dan mengembangkan kepimpinannya dengan memegang pelbagai jawatan penting di peringkat IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN), seperti di JPN Kelantan, Pahang, Perak, dan Johor.

Justeru, bagi menghargai segala sumbangan beliau di JPSM ini, pada 6 Mei 2024 telah diadakan satu Majlis Makan Malam Apresiasi Rimbawan: Jasamu Dikenang dengan kehadiran kira-kira 300 orang warga kerja JPSM di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Majlis ini dimulai dengan Ucapan Aluan oleh YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar & Perancangan) dan diserikan dengan pelbagai persembahan dan tayangan Montaj "Memoir Seorang Rimbawan" yang menggambarkan perjalanan kerjaya beliau sepanjang tempoh menjadi penjawat awam. Majlis ini juga turut mengabdikan video ucapan selamat bersara dari warga kerja perhutanan kepada YBhg. Dato' Indera.

Majlis Makan Malam Apresiasi Rimbawan JPSM diakhiri dengan lambaian kasih sanjungan budi YBhg. Dato' Indera kepada seluruh warga JPSM.

Warga JPSM mendoakan semoga YBhg. Dato' Indera dikurniakan kesihatan yang baik serta kesejahteraan dan keberkatan berpanjangan bersama keluarga.



Kehadiran Majlis Makan Malam Apresiasi Rimbawan



Ucapan oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang KPPSM Ke-25



Bergambar kenangan YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, KPPSM Ke-25



YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, KPPSM Ke-25 bersama keluarga



Majlis Makan Malam Apresiasi Rimbawan sempena Persaraan KPPSM Ke-25 disambut meriah oleh warga JPSM dan JPN



Penyerahan buku bertajuk "Memoir Seorang Rimbawan"

SESI VERIFIKASI KAWASAN BERHUTAN NEGERI KEDAH TAHUN 2024

Disediakan oleh: Azuan bin Mohd Sukri
Bahagian Pengurusan Hutan

ALOR SETAR, 13-16 MEI 2024

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Kedah telah melaksanakan Sesi Verifikasi Kawasan Berhutan Negeri Kedah Tahun 2024.

Mesyuarat ini merupakan salah satu platform jabatan dalam mengemaskini maklumat sumber hutan yang terkini di Negeri Kedah. Mesyuarat melibatkan pelbagai agensi dan jabatan antaranya Pejabat Tanah & Galian Negeri (PTG), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan 12 Jabatan Tanah dan Daerah di Negeri Kedah.



Sesi bergambar ahli sesi verifikasi bersama Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Hutan



Sesi soal jawab



Sesi pembentangan oleh ahli sesi veriifikasi

BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	13 - 16 MEI 2024	PROGRAM PERKONGSIAN ILMU (*KNOWLEDGE SHARING*) DALAM BIDANG PERHUTANAN DI SARAWAK KEPADA PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN)	59

PROGRAM PERKONGSIAN ILMU (KNOWLEDGE SHARING) DALAM BIDANG PERHUTANAN DI SARAWAK KEPADA PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN)

Disediakan oleh: Mohd Izarudin bin Zainal Abidin
Bahagian Latihan Perhutanan

KEPONG, 13 - 16 Mei 2024

Seramai 114 orang pelatih Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) telah menghadiri Program Perkongsian Ilmu (*Knowledge Sharing*) Dalam Bidang Perhutanan di Sarawak yang diberikan oleh 9 orang penceramah daripada Jabatan Hutan Sarawak (JHS) bertempat di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong.

Program perkongsian ilmu ini adalah merupakan sebahagian daripada Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) Program Kerjasama Dalam Bidang Latihan Perhutanan Antara JPSM-JHS.

Sebanyak 9 topik perhutanan yang telah dikongsikan oleh para penceramah JHS seperti:

- Perhutanan Sosial oleh Encik Suliman bin Haji Jamahari;
- Sistem Pengurusan & Pengusahasilan Hutan oleh Encik Joshua anak Deri;
- Restorasi Hutan oleh Cik Zarina binti Shebli;
- Pengenalan Kepada *Forest Carbon* oleh Dr. Malcom anak Demies;
- *Continuos Monitoring & Surveillance* (COMOS) oleh Puan Meliza binti Mohd Rizan;
- Pengecaman Spesies Pokok oleh Puan Nur Safinas binti Jelani;
- Peranan & Tanggungjawab Sebagai Penjawat Awam oleh Encik Ali bin Abdullah;
- Perlesenan oleh Encik Arifin bin Awang Zulkifli; dan
- Penguatkuasaan Hutan oleh Encik Roslan bin Othman.

Majlis Perasmian Penutupan program telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Judy George Wan, Ketua Unit Korporat & Permodenan Perkhidmatan, JHS. Turut hadir sama dalam majlis tersebut adalah Encik Abdul Rahman bin Abdul Jalil, Ketua Seksyen (Pembangunan dan Kerjaya) selaku wakil rasmi Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan.

Semoga segala ilmu yang dikongsikan oleh para penceramah dalam program ini dapat membantu para pelatih FORTRAIN untuk lebih memahami ilmu-ilmu dalam bidang perhutanan di Malaysia khususnya di negeri Sarawak.



Sesi bergambar bersama Pengarah BLP, Tuan Haji Ramli bin Mat, Pengetua FORTRAIN, Pegawai-pegawai JHS, Tenaga Pengajar FORTRAIN serta pelatih-pelatih FORTRAIN

BAHAGIAN

SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	3-9 MAC 2024	PERSAMPELAN KEPELBAGAIAN SPESIES TERJADUAL DAN SPESIES YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI DI GUNUNG BILAH, KUALA BETIS, KELANTAN	60
2	26 APRIL 2024	PELANCARAN NAMA SPESIES PERIUK KERA BAHARU "*Nepenthes ridzaiana*"	61

PERSAMPELAN KEPELBAGAIAN SPESIES TERJADUAL DAN SPESIES YANG MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI DI GUNUNG BILAH, KUALA BETIS, KELANTAN

Disediakan oleh: Juliana binti Yahya
Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan

KUALA BETIS, 3-9 MAC 2024

Menawan puncak Gunung Bilah dengan ketinggian 2,082 meter dari aras laut tidak menghalang kakitangan Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk mencari spesies *Nepenthes* baharu yang terdapat di puncak gunung tersebut. Persampelan Kepelbagaian spesies terjadual dan spesies yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi di Gunung Bilah, Kuala Betis, Kelantan disertai oleh 30 orang peserta yang dibantu oleh beberapa orang Malim Gunung Perhutanan (MGP). Pendakian yang bermula dari Pos Dakoh dan mengambil masa 16 jam untuk sampai ke puncak Gunung Bilah semestinya memberikan satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Tujuan utama pesampelan ini adalah untuk memperoleh sampel spesies, membangunkan pengkalan data DNA dan mendokumentasi laporan penemuan spesies terjadual dan spesies yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi yang ditemui.

Hasil penemuan telah berjaya merekodkan dua spesies iaitu *Nepenthes sanguinea* dan satu spesies yang belum lagi dihuraikan morfologinya dan kebanyakannya tertumpu di kawasan puncak Gunung Bilah – Puncak Gerah. Manakala sejumlah 50 taksa orkid yang terdiri daripada dua subfamili iaitu *Epidendroideae* dan *Orchidoideae* telah direkodkan. 33 spesies daripadanya merupakan epifit (tumbuh menumpang di pokok) manakala 16 spesies daripadanya adalah terrestrial (tumbuh di tanah) dan 1 spesies adalah mikoheteropik (tiada daun atau daun sisik). Selain itu, sebanyak 135 spesimen tumbuhan telah dikumpul untuk dijadikan spesimen untuk tujuan pengenalpastian spesies termasuk beberapa spesimen hidup untuk pengenalpastian lanjutan. Pemerhatian awal kami menunjukkan beberapa spesimen yang dikumpul merupakan rekod baru bagi Negeri Kelantan, termasuk spesies endemik yang asalnya hanya dicatat dari gunung yang berhampiran dalam Negeri Perak dan Pahang.

Kesedaran terhadap nilai ekologi serta keunikan flora tempatan perlu ditingkatkan, dan usaha konservasi harus diberi keutamaan agar warisan semula jadi ini terus kekal terpelihara demi keseimbangan ekosistem dan kelestarian alam sekitar. Inventori kepelbagaian spesies terjadual dan spesies yang mempunyai nilai pemeliharaan yang tinggi di kawasan ini menunjukkan bahawa masih terdapat banyak kepelbagaian spesies flora di Malaysia yang belum diterokai sepenuhnya. Rangkaian kerjasama dengan pihak berkepentingan telah membuahkan hasil sepanjang persampelan ini berlangsung.



Periuk atas *Nepenthes* sp. (*Nepenthaceae*) di puncak Gunung Gerah

Periuk bawah *Nepenthes* sp. (*Nepenthaceae*) di puncak Gunung Gerah



Peserta yang terlibat sepanjang aktiviti persampelan Gunung Bilah

PELANCARAN NAMA SPESIES PERIUK KERA BAHARU *"Nepenthes ridzaiana"*

Disediakan oleh: Mohd Nor Firdaus bin Rahim
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan

KUALA LUMPUR, 26 APRIL 2024

Inventori Persampelan Periuk Kera dan Orkid di Puncak Gunung Machinchang, Hutan Simpan Machinchang, Langkawi Kedah oleh para pegawai Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersama-sama pasukan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada tahun 2022 telah menemukan satu spesies tumbuhan Periuk Kera yang baharu. Periuk Kera ini hanya dapat ditemui di lokaliti spesifik di kawasan pergunungan Langkawi.

Dinamakan sebagai "*Nepenthes ridzaiana*", ia bersempena nama YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) yang telah menjadi antara pendukung utama pemuliharaan hutan di Semenanjung Malaysia.

Pelancaran nama *Nepenthes ridzaiana* telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 4/2024 bertarikh 26 April 2024 di Dewan Damar Minyak. Selain itu, satu artikel saintifik berkaitan penemuan spesies baharu ini telah dimuatkan dalam penerbitan jurnal *The Malaysian Forester 2024*.



YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, KPPSM telah menyempurnakan pelancaran nama *Nepenthes ridzaiana*



Gambar kenangan YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, KPPSM bersama YBhg. Dato Hj. Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan); YBhg. Dato Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan; dan Tn. Hj. Mohd Ridzuwan bin Endot, Pengarah Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan



Nepenthes ridzaiana yang telah ditemui di Puncak Gunung Machinchang

BAHAGIAN FOREST

ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN

SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	8-12 JUN 2024	KURSUS *INSTRUCTOR TRAINING COURSE* (ITC) PENDAKIAN ARAS TINGGI MALIM GUNUNG PERHUTANAN DI GUNUNG KINABALU, SABAH	62

KURSUS *INSTRUCTOR TRAINING COURSE* (ITC) PENDAKIAN ARAS TINGGI MALIM GUNUNG PERHUTANAN DI GUNUNG KINABALU, SABAH

Disediakan oleh: Che Engku Nor Amiza binti Che Engku Chik
Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri

KOTA KINABALU, 8 - 12 JUN 2024

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan melaksanakan Kursus *Instructor Training Course* (ITC) Pendakian Aras Tinggi Malim Gunung Perhutanan (MGP) bagi jurulatih kursus MGP. Kursus ini adalah merupakan salah satu daripada Program Pembangunan Kemahiran Malim Gunung Perhutanan JPSM bagi tahun 2024 melibatkan pegawai dan kakitangan JBPM. Kursus ini diadakan di Gunung Kinabalu, Sabah pada 8 - 12 Jun 2024.

Program latihan yang dijalankan ini bertujuan untuk memberikan latihan dan pendedahan kepada para pegawai yang berperanan sebagai penceramah dan pengajar kepada Komuniti Malim Gunung Perhutanan di Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada pegawai daripada JPSM, Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) dan JBPM seramai 15 orang. Selain aktiviti pendakian, peserta juga berpeluang mendengar taklimat mengenai Penubuhan *Mountain Search & Rescue* (MOSAR) Team oleh JBPM Negeri Sabah, sesi perkongsian bersama Malim Gunung Kinabalu, Pewartaan Kadar Bayaran di Taman-Taman Sabah oleh Taman-Taman Sabah serta simulasi menyelamat oleh MOSAR Sabah.

Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada peserta telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Sabah oleh Encik Royston Tiam, Pengurus Taman (Lesen dan Permit).



En Mohd Yussainy bin Md Yusop, Pengarah Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri bersama Pegawai dari JPSM dan JPN



Gambar kenangan pegawai di Gunung Kinabalu, Sabah



Gambar kenangan pegawai JPSM dan JPN bersama pegawai dan kakitangan JBPM



Simulasi menyelamat oleh MOSAR Sabah



Gambar kenangan pegawai JPSM dan JPN



Sesi taklimat oleh JBPM negeri Sabah

BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	24 JANUARI 2024	*BOARD MEETING OF THE REGIONAL MODEL FOREST NETWORK ASIA*	63
2	05 MAC 2024	*REGIONAL WORKSHOP ON FOREST EDUCATION IN ASIA AND THE PACIFIC*	64

BOARD MEETING OF THE REGIONAL MODEL FOREST NETWORK ASIA

Disediakan oleh: Jennifer anak Francis
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

THAILAND, 24 JANUARI 2024

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah dijemput sebagai pemerhati ke *Board Meeting of The Regional Model Forest Network Asia*. Turut dijemput sebagai pemerhati adalah wakil daripada negara Bhutan, Lao PDR, Myanmar, Sri Lanka, Cambodia dan Vietnam. Mesyuarat ini telah dianjurkan secara bersama di antara Royal Forest Department of Thailand, *The Regional Community Forestry Training Center for Asia and The Pacific* (RECOFTC) dan *International Model Forest Network* (IMFN). Wakil JPSM sebagai pemerhati ke mesyuarat ini adalah Puan Jennifer anak Francis, Penolong Pengarah (Hal Ehwal Antarabangsa) II, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, IPJPSM.



Talking Notes ketika pembukaan mesyuarat

Model Forest boleh digambarkan sebagai satu landskap berskala besar yang merangkumi pelbagai aktiviti ekonomi penggunaan tanah dengan penekanan kepada tiga (3) peranan utama kelestarian landskap iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar serta pendekatan berasaskan kerjasama pelbagai pihak untuk mencapai kemampanan jangka panjang sesebuah landskap. Dari segi geografi pula, *Model Forest* ialah gabungan landskap hutan, ladang, kawasan perlindungan, sungai, komuniti dan bandar yang berfungsi sepenuhnya. Pendekatan *Model Forest* adalah mengikut enam (6) prinsip utama iaitu Perkongsian (*Partnership*), Landskap (Landscape), Komitmen Terhadap Kemapanan (*Commitment to Sustainability*), Tadbir Urus (*Governance*), Program/Aktiviti (*Program of Activities*) dan Perkongsian Ilmu, Pembinaan Kapasiti dan Jaringan (*Knowledge-Sharing, Capacity-Building and Networking*).



Perbincangan bersama pihak RECOFTC dengan semua pihak berkepentingan

Pada tahun 1992 iaitu dalam *United Nations Conference on Environment and Development* (UNCED) di Rio de Janeiro, Kanada telah mengumumkan untuk mewujudkan IMFN dengan matlamat untuk memperkasakan dan berkongsi pengalaman mengenai *Model Forest* kepada negara luar. IMFN kemudiannya ditubuhkan pada tahun 1995 dengan keahlian secara sukarela yang terdiri daripada komuniti peringkat global yang mengamalkan landskap pengurusan hutan secara berkekalan dan melaksanakan konsep *model forest*. IMFN dikelolakan oleh *Canadian Forest Service* di Ottawa, Kanada.

Pada masa kini, IMFN menjadi semakin berkembang dengan penubuhan 6 jaringan *model forest* di seluruh dunia yang melibatkan 31 buah negara iaitu African *Model Forest Network*, Northern Europe and Russia, Canadian *Model Forest Network*, *Latin-American Model Forest Network*, Mediterranean *Model Forest Network* dan *Regional Model Forest Network-Asia*. Jaringan ini melibatkan 69 buah *Model Forest* yang telah dan sedang dalam permohonan menjadi ahli dalam IMFN.



Para delegasi dibawa ke lapangan bagi meninjau keadaan konflik guna tanah dalam sektor perhutanan

REGIONAL WORKSHOP ON FOREST EDUCATION IN ASIA AND THE PACIFIC

Disediakan oleh: Jennifer anak Francis
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

THAILAND, 5 DAN 6 MAC 2024

Pertubuhan Makanan dan Pertanian atau *Food and Agriculture Organization (FAO)*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan kerjasama *The Asia-Pacific Rural and Agricultural Credit Association (APRACA)* telah menganjurkan *Regional Workshop on Forest Education in Asia and The Pacific* di Bangkok, Thailand pada 5 hingga 6 Mac 2024. Bengkel tersebut telah disertai oleh 11 buah anggota negara, iaitu dari negara Bangladesh, Bhutan, Cambodia, India, Indonesia, Malaysia, Mongolia, Nepal, Thailand, Laos dan Vietnam. Wakil Malaysia ke bengkel ini adalah Cik Regina Mariah Jong, Ketua Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Bengkel ini dianjurkan bagi meneroka pendidikan awal mengenai hutan dan bertukar maklumat mengenai aktiviti dan inisiatif pendidikan hutan sedia ada, membincangkan mengenai kepentingan melaksanakan pendidikan hutan sebagai faktor utama untuk meningkatkan celik hutan, meningkatkan persepsi golongan muda terhadap kerjaya dalam sektor perhutanan, mengukuhkan pendidikan hutan serantau, termasuk melalui projek "Hutan Untuk Masa Depan yang Mampan: Mendidik Kanak-Kanak"; dan memberikan platform kepada para pengurus hutan dan golongan pendidik untuk mempromosikan pembangunan mampan dan amalan pengurusan hutan berkekalan. Semasa bengkel ini, Pejabat UNESCO Bangkok telah berkongsi pengalaman dalam melaksanakan projek berkaitan pembangunan pendidikan hutan di beberapa negara sekitar Asia dan Asia Pasifik. Hasil daripada pelaksanaan projek tersebut, satu (1) garis panduan bertajuk "*Guidance on Developing Forest Education Programmes for Primary Schools*" telah diterbitkan.

Penyertaan ke bengkel ini memberi peluang kepada pegawai JPSM untuk mendapatkan input ke atas isu dan cabaran dalam menghasilkan dasar dan garis panduan pendidikan hutan serta perkongsian ilmu tentang status semasa pelaksanaan pendidikan hutan di negara-negara peserta. Antaranya isu berkaitan persepsi orang awam tentang peluang pekerjaan dalam sektor perhutanan dan cabaran pengurusan hutan secara berkekalan. Tiga (3) aspek utama yang diberikan fokus oleh FAO adalah peningkatan kemahiran pedagogi golongan pendidik dalam pengetahuan perhutanan, pembangunan silibus pendidikan hutan yang dinamik, pengenalpastian sumber peruntukan bagi membangunkan pendidikan hutan di Asia dan kawasan Pasifik serta pemantapan komunikasi dan sokongan terhadap pelaksanaan pendidikan berkaitan hutan.



Pembentangan oleh wakil dari Malaysia, Cik Regina Mariah Jong



Penyertaan negara anggota dalam *Regional Workshop on Forest Education in Asia and The Pacific*

BAHAGIAN PENGURUSAN

MAKLUMAT

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	25-29 APRIL 2024	KURSUS APLIKASI PERALATAN GNSS DAN PERISIAN GIS DALAM PERHUTANAN	65

KURSUS APLIKASI PERALATAN GNSS DAN PERISIAN GIS DALAM PERHUTANAN

Disediakan oleh: Muhamad Shahril bin Zulkifli
Bahagian Pengurusan Maklumat

KUALA LUMPUR, 25 - 29 APRIL 2024

Bahagian Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah berjaya menganjurkan Kursus Aplikasi Peralatan Sistem Satelit Navigasi Sejagat *GNSS* Dan Perisian *GIS* Dalam Perhutanan pada 25 April, 26 April dan 29 April 2024. Seramai 21 peserta telah mengikuti kursus ini yang dihadiri oleh pegawai daripada IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP).

Para peserta telah didedahkan dengan latihan secara *hands-on* penggunaan peralatan *GNSS* dan perisian *ArcGIS* (*ArcMap*). Para peserta diberi tunjuk ajar cara penukaran sistem koordinat peralatan, membuat cerapan lapangan dan memuatnaik ke dalam perisian *ArcGIS* bagi tujuan penghasilan model pelan pelaporan.

Selain itu, para peserta juga diberi latihan *hands-on* bagi melaksanakan pemindahan pendigitan *hardcopy* kepada digital dalam bentuk *shapefile*.


Secara kesimpulannya, objektif kursus ini telah tercapai dan para peserta mendapat pengetahuan dan latihan menggunakan peralatan *GNSS* dan aplikasi *ArcGIS* dalam melaksanakan tugasan berkaitan di peringkat Bahagian/Unit di IPJPSM dan JPWP.



Taklimat pengenalan kursus GIS



Peserta menjalankan amali *hands-on* peralatan GNSS



Peserta melakukan latihan *GIS* dengan dibantu oleh Fasilitator



Peserta dibahagikan mengikut kumpulan



Penglibatan peserta daripada Bahagian, Unit IPJPSM dan JPWP

BAHAGIAN TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	23 APRIL 2024	SESI DIALOG TAHUNAN PERSATUAN FORUM INDUSTRI PERKAYUAN MALAYSIA (TIF) BERSAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM)	66
2	5 JUN 2024	KURSUS JAWATANKUASA KESELAMATAN & KESIHATAN YANG EFEKTIF	67

SESI DIALOG TAHUNAN PERSATUAN FORUM INDUSTRI PERKAYUAN MALAYSIA (TIF) BERSAMA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM)

Disediakan oleh: Mohammad Ilman bin Mahamad Amir
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

KUALA LUMPUR, 23 APRIL 2024

Sesi Dialog Tahunan Persatuan Forum Industri Perkayuan Malaysia (TIF) Bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah berlangsung di Auditorium Chengal, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dari pukul 9:30 pagi hingga 12:30 tengah hari pada 23 April 2024 yang telah dihadiri seramai 56 orang. JPSM diwakili oleh pengarah-pengarah dan wakil-wakil daripada bahagian di IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri. TIF pula diwakili oleh ahli-ahli TIF dan wakil-wakil daripada agensi-agensi lain seperti Majlis Perabot Malaysia (MFC), Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA), Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan Dan Perabot Bumiputra Malaysia (PEKA), Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia (TEAM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Majlis Kayu Malaysia (MTC), Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC), Persatuan Perindustrian Kayu Malaysia (MWIA) dan Majlis Kayu Kumai & Tanggam Malaysia (MWMJC).

Sesi dialog telah dimulakan dengan kata-kata aluan daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang dan kata-kata aluan daripada Pengerusi TIF, YBhg. Datuk Wira Sheikh Othman Sheikh Abdul Rahman. Sepanjang sesi dialog ini, JPSM dan TIF telah saling bertukar pandangan serta berkongsi cadangan berhubung isu-isu perhutanan yang timbul sama ada di pihak JPSM atau TIF.

Kesimpulannya, sesi dialog yang dibuat secara tahunan ini merupakan satu platform bagi JPSM untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak industri berhubung isu perhutanan selain daripada mengukuhkan kerjasama JPSM dengan pihak industri.



Kata-kata aluan daripada YBhg. Dato' KPPSM



Wakil-wakil daripada JPSM

Wakil-wakil daripada TIF



YBhg. Dato' KPPSM menyerahkan cenderahati kepada Pengerusi TIF



Sesi bergambar bersama wakil-wakil daripada JPSM dan TIF

KURSUS JAWATANKUASA KESELAMATAN & KESIHATAN YANG EFEKTIF

Disediakan oleh: Muhamad Hanif bin Muhamad
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

KEPONG, 5 JUN 2024

Bahagian Teknikal dan Industri Kayu, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah berjaya menganjurkan Kursus Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Yang Efektif pada 5 dan 6 Jun 2024. Seramai 30 orang peserta daripada semua bahagian di IPJPSM telah mengikuti kursus ini.

Kursus ini bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (KKP) IPJPSM yang dilantik tentang fungsi serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh ahli bagi memenuhi kehendak Seksyen 30, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994. Penceramah, Encik Mohd Fadzil bin Ahmad telah dijemput khas dari Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) bagi menyampaikan pengetahuan dan kemahirannya berhubung kursus ini kepada para peserta.

Secara kesimpulannya, kursus ini telah berjaya mencapai matlamatnya dan secara tidak langsung telah meningkatkan kesedaran dan kepatuhan terhadap standard keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di IPJPSM berdasarkan kehendak Seksyen 30, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994.



Penyerahan cenderamata kepada penceramah kursus, Encik Mohd Fadzil Ahmad



Sesi bergambar bersama semua peserta kursus

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	24-29 FEBRUARI 2024	PROGRAM *SCHOOL'S OUT KIDS IN* (SOKI) SIRI 1/2024 DI PUSAT SAINS NEGARA	68
2	14-16 MEI 2024	BENGKEL MEDIA SOSIAL: PEMBANGUNAN KANDUNGAN KREATIF UNTUK MEDIA SOSIAL (GRAFIK DAN VIDEO)	69
3	26 MEI 2024	PAMERAN SEMPENA NAKAWAN *RAINFOREST FESTIVAL* (NRF) DI KOMPLEKS EKOPELANCONGAN SG. BATU PAHAT, KANGAR, PERLIS	70

PROGRAM *SCHOOL'S OUT KIDS IN* (SOKI) SIRI 1/ 2024 DI PUSAT SAINS NEGARA

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

KUALA LUMPUR, 24-29 FEBRUARI 2024

Pada 24 hingga 29 Februari 2024, Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur, telah menyemarakkan semangat pendidikan dan kesedaran alam sekitar dengan mengadakan Pameran sempena Program *School's Out Kids In* (SOKI) Siri 1/ 2024. Program anjuran Pusat Sains Negara ini menjadi platform interaktif bagi kanak-kanak dan keluarga untuk mendalami ilmu sains dan alam semula jadi. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia turut mengambil bahagian yang diwakili oleh Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam (UKKPA) serta Bahagian Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi Hutan (BSB). UKKPA mempersembahkan tema Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dengan menyediakan aktiviti mewarna dan *puzzle* yang menarik untuk kanak-kanak. Di samping itu, mereka juga mengagihkan cenderamata eksklusif kepada pengunjung dan mempamerkan beberapa buku mewah *(coffee table)* serta sampel biji benih yang berjaya mencetuskan minat dan kesedaran mengenai usaha penghijauan yang sedang giat dijalankan.



Maskot Ecot turut hadir memeriahkan pameran

Bahagian Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi Hutan (BSB) pula mempamerkan tema CITES *(Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora),* menonjolkan beberapa spesies orkid yang termasuk dalam senarai CITES. Pameran ini memberi peluang kepada pengunjung untuk mengetahui lebih mendalam tentang usaha pemuliharaan tumbuhan yang terancam serta kepentingan perlindungan spesies tersebut. BSB berjaya menarik perhatian dengan paparan orkid yang memukau, sambil mendidik masyarakat mengenai peranan penting CITES dalam memastikan kelangsungan hidup flora yang bernilai tinggi ini. Keseluruhan pameran ini bukan sahaja memberi pengalaman pendidikan yang berharga tetapi juga mengukuhkan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan generasi muda.



Spesies orkid menarik minat para pencinta orkid untuk singgah ke reruai BSB



Aktiviti mewarna dan puzzle menarik minat kanak-kanak

BENGKEL MEDIA SOSIAL: PEMBANGUNAN KANDUNGAN KREATIF UNTUK MEDIA SOSIAL (GRAFIK DAN VIDEO)

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

KEPONG, 14-16 MEI 2024

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah berjaya menganjurkan Bengkel Media Sosial: Pembangunan Kandungan Kreatif untuk Media Sosial (Grafik dan Video) dari 14 hingga 16 Mei 2024 di Dewan Seminar Bahagian Latihan Perhutanan Kepong. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kualiti dan kreativiti kandungan media sosial Jabatan dalam usaha menyebarluaskan informasi perhutanan serta memperkukuhkan penjenamaan Jabatan. Peserta bengkel, terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan, didedahkan dengan teknik dan strategi menghasilkan kandungan menarik serta berkualiti, termasuk penulisan kandungan, reka bentuk grafik, penghasilan video kreatif, dan penulisan kapsyen yang efektif.

Bengkel ini juga menyediakan sesi praktikal untuk peserta menggunakan pelbagai aplikasi dan perisian menghasilkan grafik dan video, serta teknik penilaian prestasi kandungan media sosial. Objektif utama bengkel ini termasuk membina penjenamaan yang kuat, mempelajari teknik pembangunan kandungan berkualiti, dan membina kemahiran menilai prestasi kandungan. Diharapkan, hasil daripada bengkel ini, kandungan media sosial Jabatan akan lebih kreatif, berkualiti, dan mampu menarik perhatian golongan sasaran, sekaligus meningkatkan kesedaran awam terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di Semenanjung Malaysia.



Para peserta bengkel tekun mendengar dan mengaplikasikan teknik yang diajar



Peserta bengkel bergambar kenangan bersama tenaga pengajar

PAMERAN SEMPENA NAKAWAN *RAINFOREST FESTIVAL* (NRF) DI KOMPLEKS EKOPELANCONGAN SG. BATU PAHAT, KANGAR, PERLIS

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

KANGAR, 25 DAN 26 MEI 2024

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan pameran sempena Nakawan *Rainforest Festival* (NRF) yang berlangsung pada 25 dan 26 Mei 2024 di Kompleks ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis. Pameran ini mengangkat tema Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok, sejajar dengan usaha Jabatan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Pameran tersebut menawarkan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung, termasuk pemberian cenderamata dan penyertaan dalam kuiz interaktif menggunakan platform Kahoot. Aktiviti-aktiviti ini tidak hanya bertujuan untuk mendidik, tetapi juga untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam usaha penghijauan negara. Sambutan hangat daripada pengunjung menunjukkan kesedaran yang semakin meningkat terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan menyokong inisiatif penanaman 100 juta pokok yang sedang giat dijalankan.



Pengunjung reruai pameran bergambar bersama cenderamata Kempen Penanaman 100 Juta Pokok



Pengunjung reruai pameran bergambar bersama cenderamata Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

PUSPANITA

JANUARI-JUN

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Isi Kandungan

BIL	TARIKH	TAJUK	MUKA SURAT
1	16 FEBRUARI 2024	MESYUARAT AGUNG PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) KALI KE-21 TAHUN 2024	71
2	3 MEI 2024	MAJLIS PERPISAHAN YBHG. DATIN INDERA NORHASHIMAH BT HJ. SHA'ARI, PENGERUSI PUSPANITA JPSM	72

MESYUARAT AGUNG PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) KALI KE-21 TAHUN 2024

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
PUSPANITA JPSM

KUALA LUMPUR, 16 FEBRUARI 2024

Mesyuarat Agung Ahli Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah merupakan acara tahunan PUSPANITA JPSM. Mesyuarat Agung PUSPANITA Kali Ke-21 Tahun 2024 ini telah diadakan di Dewan Damar Minyak, JPSM pada 16 Februari 2024. Mesyuarat Agung PUSPANITA Kali Ke-21 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) merangkap Penasihat PUSPANITA JPSM.

Turut hadir mesyuarat agung ini ialah YBhg. Datin Indera Norhashimah binti Hj. Shaari, Pengerusi PUSPANITA JPSM, YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) JPSM dan YBhg. Datin Dr. Siti Arbaiyah binti Mun Sarikh, Timbalan Pengerusi I PUSPANITA I JPSM. Ahli PUSPANITA JPSM kali ini telah menyaksikan pelantikan barisan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JPSM yang baru bagi sesi 2024/2025.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada barisan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JPSM sesi 2022/2023. Selain itu pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan bersempena dengan mesyuarat agung pada tahun ini antaranya ialah gerai jualan makanan, barangan *preloved* dan cabutan bertuah.



Ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, KPPSM merangkap Penasihat PUSPANITA JPSM



Sesi bergambar bersama semua Ahli Jawatankuasa Sesi 2022/2023

MAJLIS PERPISAHAN YBHG. DATIN INDERA NORHASHIMAH BINTI HJ. SHA'ARI, PENGERUSI PUSPANITA JPSM

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
PUSPANITA JPSM

KUALA LUMPUR, 3 MEI 2024

Majlis Perpisahan YBhg. Datin Indera Norhashimah binti Hj Sha'ari, Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah diadakan di Dewan Damar Minyak, JPSM pada 3 Mei 2024. Tujuan majlis ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan kepada YBhg. Datin Indera Norhashimah binti Hj Sha'ari dan pada masa yang sama mengumpulkan ahli-ahli PUSPANITA yg terdiri daripada isteri-isteri pegawai dan kakitangan JPSM.

Turut hadir pada majlis ini YBhg. Datin Dr. Siti Arbaiyah binti Mun Sarikh, Timbalan Pengerusi I PUSPANITA JPSM dan YBhg. To' Puan Azila binti Mohd Hassan, Timbalan Pengerusi II PUSPANITA JPSM bersama AJK Tertinggi dan ahli-ahli PUSPANITA JPSM.

Selamat bersara diucapkan kepada YBhg. Datin Indera Norhashimah binti Hj Sha'ari dan segala bakti serta sokongan YBhg. Datin Indera amat dihargai oleh semua ahli PUSPANITA JPSM.



Sesi bergambar bersama AJK Persembahan



YBhg. Datin Indera Norhashimah bt Hj Sha'ari bersama para tetamu



Sesi bergambar kenangan bersama AJK dan ahli PUSPANITA JPSM

PERHUTANAN

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.
Tel: 603-26164488 Faks: 603-2692 5657
Laman Sesawang: http://www.forestry.gov.my